SIRI KOLEKSI PERTANYAAN DAN JAWAPAN PARLIMEN (DEWAN NEGARA) TAHUN 2022

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

SIRI KOLEKSI PERTANYAAN DAN JAWAPAN PARLIMEN (DEWAN NEGARA) TAHUN 2022

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

UNIT PARLIMEN
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
Aras 3, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya

SIDANG REDAKSI:

Penasihat	:	Puan Fazidah Binti Mustafa
		Puan Norisma binti Mohd Ismail
Ketua Editor	:	Dr. Aini Andria Shirin Binti Anuarudin
Editor	:	Che Hazwani binti Che Mansor
	:	Abdul Syafiq bin Abdul Samat
	:	Syed Zahiruddin bin Tuanku Alshagaf
Bacaan Pruf	:	Norlela Binti Abd Halim
		Nurshamimi Binti Hussain

Bahagian Perancangan Strategik
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	Kategori Isu Kementerian Pengajian Tinggi	5
2	Analisis Jumlah Pertanyaan Mengikut Kategori Isu	6
3	MESYUARAT PERTAMA DEWAN NEGARA [21 Mac hingga 31 Mac 2022]	7
4	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) - Pertanyaan Lisan - Pertanyaan Bukan Lisan	8
5	Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	16
6	Jawapan bagi Pertanyaan Bukan Lisan	62
7	MESYUARAT KEDUA DEWAN RAKYAT [8 Ogos hingga 16 Ogos 2022]	68
8	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) - Pertanyaan Lisan - Pertanyaan Bukan Lisan	69
9	Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	77
10	Jawapan Bagi Pertanyaan Bukan Lisan	109

SIRI KOLEKSI
PERTANYAAN DAN JAWAPAN PARLIMEN

DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA DAN KEDUA PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14
TAHUN 2022

KATEGORI ISU

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BIL.	KATEGORI ISU	JUMLAH PERTANYAAN	MUKA SURAT
1.	*Technical and Vocational Education and Training* (TVET)	11	32, 38, 50, 82, 86, 91, 97, 109, 105, 107, 114
2.	Data Pengajian Tinggi	10	23, 34, 36, 45, 65, 84, 90, 109, 110, 112
3.	Kebolehpasaran Graduan	6	23, 40, 45, 47, 65, 116
4.	Biaisiswa dan Penajaan	5	26, 82, 86, 91, 114
5.	Kebajikan dan Hal Ehwal Pelajar	4	52, 93, 95, 110
6.	Hal Ehwal Pelajar OKU	4	26, 60, 109, 112
7.	Pengajaran dan Pembelajaran	3	40, 54, 58
8.	Akademik dan Program Pengajian	3	17, 21, 101
9.	Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	3	28, 30, 42
10.	Kemasukan ke IPT	3	56, 67, 78
11.	PTPTN	3	63, 80, 118
12.	COVID-19 di IPT	2	54, 67
13.	Lain-Lain	2	19, 88
14.	Program Keusahawanan dan Latihan Industri	1	99
15.	Pelajar Antarabangsa dan Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi	1	116
16.	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)	1	17

ANALISIS JUMLAH PERTANYAAN MENGIKUT KATEGORI ISU

ANALISIS JUMLAH PERTANYAAN MENGIKUT KATEGORI ISU (DEWAN NEGARA)



DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-14 TAHUN 2022
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

[21 MAC HINGGA 31 MAC 2022]

ATURAN URUSAN MESYUARAT
DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14
21 MAC HINGGA 31 MAC 2022

PERTANYAAN LISAN: MINGGU PERTAMA

28 FEBRUARI 2022 (ISNIN)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

21 MAC 2022 (ISNIN) - 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	**[No. 56]** PN-1451-L07595 **Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengurangkan jumlah kolej perubatan swasta di dalam negara memandangkan terlampau banyak graduan tiap-tiap tahun dengan kualiti tidak terjamin dan jawatan di perkhidmatan awam tidak mencukupi. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menentukan kualiti kolej perubatan swasta dan pendidikan dalam bidang perubatan terjamin.
2.	**[No. 67]** PN-1451-L07136 **Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengenai Program Pemulihan Dalam Komuniti yang akan dilaksanakan di universiti awam bermula tahun 2022. Berapakah peruntukan yang disediakan untuk setiap universiti yang melaksanakan program ini.

22 MAC 2022 (SELASA) - 4 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 6] PN-1451-L07384 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam pembangunan pemikiran terancang dan berinovasi (*design thinking*) untuk memastikan para graduan kita lebih holistik dan sedia bekerja.
2.	[No. 42] PN-1451-L07596 **Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan peringkat ijazah dari universiti tempatan yang telah menamatkan pengajian mereka bagi tempoh lima tahun terakhir dan daripada jumlah tersebut berapa ramai yang masih menganggur. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan mereka boleh mendapat pekerjaan.
3.	[No. 55] PN-1451-L06998 **Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah OKU mengikut kategori OKU yang telah menerima biasiswa JPA, MARA dan KPT bagi tahun 2011-2021 serta adakah Kerajaan merancang untuk mewujudkan biasiswa khusus kepada mahasiswa OKU bagi melahirkan ramai ilmuwan dalam kalangan OKU.
4.	[No. 82] PN-1451-L07376 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) di universiti-universiti awam.

23 MAC 2022 (RABU) - 4 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 27] PN-1451-L07232 **Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai projek atau produk komersil yang dihasilkan oleh pengkaji universiti tempatan berserta nilainya mulai tahun 1990 sehingga sekarang.
2.	[No. 29] PN-1451-L07517 **Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha proaktif Kerajaan untuk menjadikan TVET pilihan utama para belia dan langkah Kerajaan untuk menghapuskan persepsi yang mengatakan bahawa TVET adalah pendidikan kelas kedua dan sudah tidak relevan lagi.
3.	[No. 36] PN-1451-L07539 **Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan data mengenai jumlah pengambilan pelajar di Universiti Awam mengikut kaum mulai tahun 2017 hingga 2021 mengikut kursus kritikal dan dalam bidang STEM terutama bidang perubatan, perundangan dan kejuruteraan.
4.	[No. 54] PN-1451-L07377 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah peratusan pelajar mendaftar dalam pengajian tinggi berbanding pelajar yang mendaftar dalam sektor TVET dan latihan dalam industri.

24 MAC 2022 (KHAMIS) - 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	**[No. 17]** PN-1451-L07518 **Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk mewajibkan lepasan SPM yang tidak melanjutkan pengajian dalam bidang akademik agar menyambung pembelajaran dalam aliran TVET.
2.	**[No. 29]** PN-1451-L07181 **Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian menjalankan kajian berkenaan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kualiti graduan dan kadar pengangguran sewaktu pandemik ini.
3.	**[No. 61]** PN-1451-L07233 **Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai projek atau produk komersil yang dihasilkan oleh pengkaji universiti tempatan melalui usahasama dengan syarikat yang tersenarai di Bursa Kuala Lumpur dan syarikat Fortune 500 di peringkat antarabangsa mulai tahun 1990 sehingga sekarang.

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEDUA

28 MAC 2022 (ISNIN) - 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 15] PN-1451-L07075 **Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kadar pengangguran dalam kalangan graduan di setiap negeri pada tahun 2019, 2020 dan 2021.

29 MAC 2022 (SELASA) - 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 24] PN-1451-L07077 **Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kadar pengangguran dalam kalangan graduan dalam pasca pandemik serta apakah strategi Kerajaan terhadap kebolehpasaran graduan.
2.	[No. 40] PN-1451-L07380 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan selain daripada model Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dipelajari dari negara Jerman, apakah model-model lain yang dapat meningkatkan lagi penglibatan anak muda dalam sektor TVET dan latihan dalam industri.
3.	[No. 46] PN-1451-L07507 **Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana kriteria pemilihan akademik untuk Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) dan berapakah jumlah pengambilan untuk setiap tahun.

30 MAC 2022 (RABU) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 21] PN-1451-L07031 **Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana isu keciciran dan masalah melibatkan pembelajaran dalam talian mengakibatkan mahasiswa terpaksa melanjutkan tempoh pengajian dan bagaimanakah Kementerian menangani impak penularan varian Omicron di IPT pada masa kini.
2.	[No. 42] PN-1451-L07353 **Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mekanisma Kerajaan untuk menentukan pelajar-pelajar yang gagal mendapat tempat di Institut Pendidikan Tinggi Awam meskipun mereka memenuhi syarat-syarat kemasukan tidak tercicir daripada mendapatkan pendidikan tinggi.

31 MAC 2022 (KHAMIS) - 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 6] PN-1451-L07137 **Puan Noraini binti Idris** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dasar serta elemen baharu yang diterapkan dalam pembelajaran dan pengajaran di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebagai inisiatif bagi meningkatkan kematangan serta literasi demokrasi dalam kalangan penuntut universiti khususnya yang terdiri daripada pengundi baharu dalam Pilihan Raya Ke-15 kelak.
2.	[No. 12]

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	PN-1451-L06997 **Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah mahasiswa OKU di setiap universiti awam, politeknik dan kolej komuniti serta apakah tindakan Kementerian terhadap IPT yang mendiskriminasi OKU dan yang tidak mempunyai kemudahan mesra OKU.

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

3 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
1.	**[No. 22]** PN-1451-T01251 **Dato' Wira Othman bin Aziz** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula mekanisma pemberian PTPTN yang menjadikan data penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) sebagai indikator kelayakan tahap pinjaman memandangkan ramai di antara pelajar yang keluarga tidak layak menerima BPR kerana tidak mengemukakan sijil asal perkahwinan kepada pihak LHDN sehingga menjejaskan jumlah pinjaman yang diberikan kepada mereka.
2.	**[No. 52]** PN-1451-T01281 **Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :- (a) jumlah terkini graduan negeri Terengganu yang menganggur dan masih mencari pekerjaan; dan (b) inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan graduan lepasan universiti tempatan mendapat peluang pekerjaan.
3.	**[No. 72]** PN-1451-T01302 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah peratus kenaikan atau penurunan kesan pandemik COVID-19 ini dari segi pendaftaran baru pelajar-pelajar ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta pada tahun 2021.

MESYUARAT PERTAMA DEWAN NEGARA TAHUN 2022

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO DR. NUING JELUING

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN : NO. 56

DATO DR. NUING JELUING minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengurangkan jumlah kolej perubatan swasta di dalam negara memandangkan terlampau banyak graduan tiap-tiap tahun dengan kualiti tidak terjamin dan jawatan di perkhidmatan awam tidak mencukupi. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menentukan kualiti kolej perubatan swasta dan pendidikan dalam bidang perubatan terjamin.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pada masa kini, pengambilan pelajar Sarjana Muda Perubatan ke Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) sentiasa dipantau melalui penetapan kuota pengambilan pelajar sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dengan mengambil kira kapasiti di IPTS berkaitan. MPM yang diterajui oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga merupakan badan profesional yang mengawal selia penawaran kursus-kursus pengajian perubatan di IPTS bagi menjamin mutu graduan yang dihasilkan dengan mengambil kira beberapa aspek termasuk kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta tenaga pengajar.

Kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan MPM sentiasa melaksanakan kawalan kualiti bagi memastikan kualiti kursus pengajian perubatan yang ditawarkan di IPTS adalah setanding dengan piawaian antarabangsa. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada MQA, KKM, MPM, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan

Pendidikan Tinggi (JPT) bagi melihat serta menangani isu-isu berkaitan akreditasi kursus-kursus pengajian perubatan yang ditawarkan menunjukkan komitmen Kementerian yang tinggi dalam memastikan kualiti graduan yang dihasilkan terjamin. Selain itu, MQA turut melaksanakan penilaian kapasiti pengambilan pelajar perubatan di IPTS setiap lima (5) tahun bagi memastikan pengambilan pelajar adalah bersesuaian mengikut keperluan sumber tenaga kerja semasa negara. Kementerian juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal Program Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian bagi memperkemas mekanisme kelulusan pengubahan fakulti dan penawaran kursus pengajian baharu perubatan.

Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi berperanan untuk menilai semula permohonan-permohonan kursus pengajian baharu dalam bidang perubatan. Sementara itu, keahlian Jawatankuasa terdiri daripada wakil-wakil daripada KKM, MPM, MQA, Majlis Pergigian Malaysia (MDC), Majlis Dekan Perubatan dan Majlis Dekan Pergigian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH	:	21 MAC 2022 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 67

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengenai Program Pemulihan Dalam Komuniti yang akan dilaksanakan di universiti awam bermula tahun 2022. Berapakah peruntukan yang disediakan untuk setiap universiti yang melaksanakan program ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Menerusi Ucapan Bajet 2022, Kerajaan telah mengumumkan beberapa inisiatif bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara termasuk peluasan pelaksanaan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di universiti-universiti awam (UA). Dalam hubungan ini, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan PPDK pada tahun 2022.

Untuk makluman juga, Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan UA pelopor yang menubuhkan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti sejak tahun 2016. Matlamat penubuhan Pusat ini adalah bagi menyediakan kemudahan, perkhidmatan yang terbaik dan bermutu bagi membantu pembangunan, perkembangan, serta meningkatkan kemahiran golongan OKU dari kalangan komuniti setempat dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Antara program yang dilaksanakan menerusi PPDK ini adalah Latihan Pekerjaan OKU Intelek / *Vocational Training* (VT), Pertanian Komersil OKU Intelek, Pusat Latihan Pertanian OKU Intelek dan Sukan Dan Karnival OKU (SUKOKU). Sehingga tahun 2021, terdapat seramai 240 orang OKU yang telah berdaftar di bawah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti USM.

Bagi merealisasikan peluasan pelaksanaan PPDK di UA lain, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil Pusat Perkhidmatan dan Sokongan OKU UA bagi menyelaras permohonan penubuhan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti baharu di UA serta pelaksanaan program PPDK oleh mereka.

Untuk fasa permulaan, beberapa buah UA telah mengemukakan kertas cadangan permohonan penubuhan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dan pelaksanaan PPDK kepada KPT berserta anggaran kos keseluruhan bajet yang diperlukan seperti berikut:

(i) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) - RM1,574,000.00;
(ii) Universiti Malaysia Pahang (UMP) - RM1,376,554.00;
(iii) Universiti Teknologi Mara (UiTM) - RM964,996.09;
(iv) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) - RM430,000.00; dan
(v) Universiti Malaysia Sabah (UMS) - RM84,070.00.

Sebagai makluman, kesemua permohonan lima (5) UA ini yang berjumlah RM 4,429,620.09 telah dikemukakan oleh pihak KPT kepada pihak Kementerian Kewangan (MOF) untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN

TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN : NO. 6

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam pembangunan pemikiran terancang dan berinovasi (*design thinking*) untuk memastikan para graduan kita lebih holistik dan sedia bekerja.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam memastikan IPT membangunkan kurikulum dan kaedah pengajaran yang memenuhi keperluan industri secara optimum dan juga memberi impak tinggi, KPT telah melancarkan inisiatif **Landskap Pembelajaran Berasaskan Pengalaman dan Kompetensi atau *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* (EXCEL)** pada 15 Oktober 2021. Ini adalah langkah penting untuk menjamin kualiti graduan selepas daripada tamat nanti adalah kualiti yang terbaik yang dapat diupayakan oleh semua universiti. EXCEL menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan kompetensi. Inisiatif ini merupakan satu kerangka transformasi program akademik yang mengintegrasikan elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (*personalised*) dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran yang diperoleh dari pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.

Maka itu, IPT telah menerapkan kerangka EXCEL ini dalam kurikulum yang dibangunkan supaya dapat menghasilkan graduan yang akan memperolehi kemahiran holistik sebagai pengamal pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learners*), usahawan

inovatif (*innovative entrepreneurs*), pengamal kreatif (*creative practitioners*) dan pengaruh perubahan (*change-makers*).

Selain itu, kaedah ***Design Thinking*** juga diterapkan melalui aktiviti ko-kurikulum pelajar seperti di dalam pertandingan inovasi dan sebagainya. Antara pertandingan anjuran politeknik dan kolej komuniti yang menerapkan kemahiran Design Thinking ialah Pertandingan Inovasi Proton-Polytechnic (PIPPO), CAMP 21, Innovation For English Language Learning From Traditional Games to Classroom Learning (INNOVEL) dan sebagainya.

Melalui penerapan *design thinking* ini, diharapkan semua pelajar akan memperolehi satu pengalaman yang mantap membolehkan mereka menjadi lebih berkualiti apabila mereka keluar ke alam pekerjaan suatu masa nanti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO DR. NUING JELUING
TARIKH	:	22 MAC 2022 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 42

DATO DR. NUING JELUING minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan peringkat ijazah dari universiti tempatan yang telah menamatkan pengajian mereka bagi tempoh lima tahun terakhir dan daripada jumlah tersebut berapa ramai yang masih menganggur. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan mereka boleh mendapat pekerjaan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dilaksanakan oleh KPT, **peratus graduan Ijazah Pertama (warganegara) yang belum bekerja** dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian **menunjukkan penurunan** seperti berikut:

i. **Tahun 2017:** 31,759 graduan (26.1%) graduan menganggur daripada 120,906 graduan (warganegara) peringkat Ijazah Pertama;

ii. **Tahun 2018:** 31,511 graduan (25.9%) graduan menganggur daripada 124,350 graduan (warganegara) peringkat Ijazah Pertama;

iii. **Tahun 2019:** 20,365 graduan (16.7%) graduan menganggur daripada 124,919 graduan (warganegara) peringkat Ijazah Pertama;

iv. **Tahun 2020:** 19,135 graduan (15.7%) graduan menganggur daripada 107,119 graduan (warganegara) peringkat Ijazah Pertama; dan

v. **Tahun 2020:** 18,868 graduan (15.5%) graduan menganggur daripada 121,751 graduan (warganegara) peringkat Ijazah Pertama.

Dalam hal yang berkaitan, KPT sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan graduan yang dikeluarkan dapat memenuhi keperluan sumber manusia di industri sama ada dari sudut bidang pengajian, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Antara langkah berterusan yang dilaksanakan oleh KPT untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran para graduan adalah:

i. **Meningkatkan pelaksanaan program latihan berbentuk kemahiran dan peningkatan kemahiran.** Pelaksanaan program latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran atau *reskilling* dan *upskilling* ini membolehkan graduan menguasai pengetahuan dan kemahiran tambahan selain menerima persijilan profesional bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran mereka. Bidang latihan yang diberikan tumpuan adalah selari dengan bidang pekerjaan yang tinggi permintaannya seperti, *e-Commerce*, *Robotic Engineering* dan lain-lain.

ii. **Memudah cara pelajar untuk melanjutkan pengajian.** Usaha ini termasuk bantuan kewangan kepada graduan yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui *MyBrain Science* dan Biasiswa Menteri Pengajian Tinggi. KPT turut bekerjasama rapat dengan Yayasan Tenaga Nasional bagi menyediakan pembiayaan kewangan kepada pelajar yang berkelayakan melalui program *My Brighter Future* (*MyBF*).

iii. **Melaksanakan padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja.** Program ini dilaksanakan dengan kerjasama PERKESO kepada graduan-graduan yang berdaftar di Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* (GREaT), yang diselia oleh KPT akan dipadankan dengan kekosongan jawatan di syarikat-syarikat yang berdaftar melalui Portal *MyFutureJobs* di bawah seliaan PERKESO. KPT juga telah membangunkan Modul *Jobmatching@GREaT* sebagai platform untuk memudahkan pihak industri mengenal pasti graduan yang memenuhi kriteria dan keperluan untuk ditawarkan peluang pekerjaan.

iv. **Meningkatkan pelaksanaan program-program keusahawanan.** Kementerian turut menumpukan usaha menggalakkan pelajar terlibat dalam program keusahawanan, di mana satu Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021–2025 dan Garis Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu dijadikan sebagai dokumen rujukan utama pembangunan keusahawanan di IPT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI
TARIKH	:	22 MAC 2022 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 55

DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah OKU mengikut kategori OKU yang telah menerima biasiswa JPA, MARA dan KPT bagi tahun 2011-2021 serta adakah Kerajaan merancang untuk mewujudkan biasiswa khusus kepada mahasiswa OKU bagi melahirkan ramai ilmuwan dalam kalangan OKU.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa berusaha untuk mewujudkan ekosistem pembelajaran pengajian tinggi yang kondusif kepada OKU. Dalam hal ini, KPT telah menyediakan bantuan pendidikan/ pembiayaan yang khusus melalui Program Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) dan Program Pendidikan Khas (PPK). Melalui program-program ini, pelajar-pelajar OKU berpeluang untuk melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat pascasiswazah. Bagi tempoh antara tahun 2011 sehingga tahun 2021, seramai 6,897 pelajar telah menerima manfaat daripada program BKOKU dan PPK. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,127 pelajar mendapat manfaat di bawah program BKOKU manakala 770 pelajar menerima bantuan kewangan di bawah program PPK.

Berdasarkan maklumat yang diterima dari pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), peluang penawaran penajaan JPA adalah terbuka kepada semua kelompok pelajar yang memenuhi syarat penajaan termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Semenjak tahun 2011, seramai tujuh (7) orang pelajar berstatus OKU telah memohon dan

mendapat manfaat daripada penajaan JPA bagi melanjutkan pelajaran dalam ijazah sarjana muda. Pada masa ini, JPA tidak menyediakan penajaan khusus kepada golongan OKU. Walau bagaimanapun, status berkenaan diambil kira dalam proses penilaian permohonan pelajar.

Selain itu, berdasarkan maklumat yang diterima dari pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), dari tahun 2020 sehingga 2021, seramai 71 orang pelajar berstatus OKU telah menerima kemudahan pinjaman pelajaran MARA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 39 pelajar OKU merupakan pelajar diploma dalam negara, 25 pelajar OKU merupakan pelajar ijazah sarjana muda dalam negara, lima (5) pelajar OKU merupakan pelajar ijazah sarjana dalam negara, satu (1) pelajar OKU merupakan pelajar ijazah sarjana luar negara, dan satu (1) pelajar OKU merupakan pelajar OKU PhD. Data yang diperoleh hanya bagi tahun 2020 hingga 2021 sahaja memandangkan sistem *MyEduLoan* MARA hanya mula digunakan pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN
TARIKH	:	22 MAC 2022 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 82

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) di universiti-universiti awam.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman, **Program Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (DP KPT)** yang diselia oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) sentiasa menyokong dan menggalakkan penyelidikan asas yang berkualiti tinggi bagi meneroka penemuan ilmu baharu beracuan Malaysia yang mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Pada tahun 2022, program ini telah diperuntukkan sejumlah RM160 juta oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri serta Kementerian Kewangan (MOF) bagi memperkasa penjanaan ilmu yang akan menyumbang kepada peningkatan tahap intelektual dan penciptaan teknologi baru yang akan memperkukuhkan ekosistem inovasi negara. *Output* utama program DP KPT ialah modal insan, penerbitan, harta intelek dan penjanaan ilmu baharu beracuan Malaysia.

Permohonan geran penyelidikan di bawah DP KPT ini dibuka untuk penyelidik daripada Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) serta perlu memenuhi bidang-bidang keutamaan yang telah ditetapkan bagi memastikan penyelidikan yang dilaksanakan memenuhi keperluan semasa negara. Kelulusan

permohonan diberikan berdasarkan kertas cadangan yang berkualiti serta berdasarkan merit saintifik yang tinggi.

Selain itu, menerusi *Malaysia Partnership & Alliances in Research* iaitu MyPAIR, peruntukan sebanyak RM3 juta untuk tujuan padanan Geran Asing Bersama diterima bagi tahun ini. Malah, berdasarkan bajet tahun 2022, peruntukan pembangunan (DE) yang telah diluluskan bagi **Program Pengukuhan dan Pemerkasaan Universiti Penyelidikan (RU)** ialah sebanyak RM120 juta. Peruntukan ini akan digunakan oleh RU bagi aktiviti yang telah ditentukan seperti aktiviti operasi iaitu pengurusan penyelidikan, melaksanakan projek penyelidikan dan pembelian serta penyelenggaraan alatan penyelidikan di universiti.

Dalam hal yang berkaitan, **Dana Pemerkasaan Penyelidikan Bidang Nic Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi** ***(Higher Institution Centre of Excellence*****, HICoE)** merupakan program yang telah diluluskan bermula RMKe-11. Pada tahun 2022, program ini telah memperoleh peruntukan pembangunan berjumlah RM10 juta daripada EPU, JPM yang bertujuan untuk melonjakkan HICoE sebagai pakar rujuk (*referral point*) dalam penyelidikan bidang nic di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta mendukung aspirasi pelaksanaan bidang berkepentingan negara. Menerusi program ini, HICoE akan menghasilkan *output* penyelidikan seperti penerbitan berimpak tinggi, bakat baharu, harta intelek, jaringan kolaborasi serantau dan antarabangsa yang akan membantu dalam penyelesaian masalah di negara ini.

Selain itu, HICoE juga berkemampuan untuk menjana pendapatan sendiri melalui penyelidikan yang dilaksanakan dan ianya boleh mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD

TARIKH : 23 MAC 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 27

SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai projek atau produk komersil yang telah dihasilkan oleh pengkaji universiti tempatan berserta nilainya mulai tahun 1990 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada data MyRA (*Malaysia Research Assessment*) bagi tempoh 2016 sehingga tahun 2020, sebanyak 260 produk R&D telah dikomersialkan hasil dari penyelidikan di 20 buah Universiti Awam (UA). Hasil daripada pengkomersialan produk dan idea ini meliputi pelesenan teknologi pengetahuan, perkhidmatan, konsultansi dan latihan yang telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM9 bilion bagi tempoh tahun 2007 sehingga tahun 2020 berbanding RM7.5 bilion Dana Penyelidikan Awam yang telah diterima oleh 20 UA bagi tempoh yang sama. Bilangan produk yang dikomersialkan mengikut tahun bermula tahun 2016 sehingga tahun 2020 adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Bilangan produk yang dikomersialkan
1.	2016	49
2.	2017	59
3.	2018	54
4.	2019	51
5.	2020	47
	Jumlah	**260**

Data MyRA ini merupakan data yang dinilai setiap tahun dan mula diwujudkan pada tahun 2016. Dalam konteks ini, penilaian terhadap data tahun sebelumnya dinilai pada tahun semasa. Oleh itu, data MyRA pada tahun 2021 dan tahun 2022 masih belum dapat dibekalkan disebabkan belum diaudit dan belum boleh diedarkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH
TARIKH	:	23 MAC 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 29

Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha proaktif Kerajaan untuk menjadikan TVET pilihan utama para belia dan langkah Kerajaan untuk menghapuskan persepsi yang mengatakan bahawa TVET adalah pendidikan kelas kedua dan sudah tidak relevan lagi.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Tujuan utama penubuhan politeknik dan kolej komuniti adalah bagi menyediakan akses yang meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf melalui 36 politeknik dan 105 kolej komuniti. Selain itu, ia selari dalam menyokong hasrat Kerajaan untuk memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dan melahirkan graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam mengembangkan pendidikan TVET di Politeknik dan Kolej Komuniti ke arah menjadi peneraju institusi TVET yang unggul selain menghapuskan persepsi yang mengatakan bahawa TVET adalah pendidikan kelas kedua. JPPKK telah melaksanakan pelbagai usaha dan strategi yang dinamik untuk memartabatkan pendidikan TVET melalui inisiatif berikut:

i. Melaksanakan promosi Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) dalam pelbagai platform samada platform media elektronik dan media cetak, promosi media sosial, promosi bersama agensi dan kementerian, pihak

sekolah dan guri kaunseling serta jerayawara mengikut zon di seluruh negara;

ii. Menambahbaik kandungan dan penawaran program TVET dengan merangka program TVET yang berkualiti berteraskan IR 4.0 dan berpacu industri; dan

iii. Menambah baik ekosistem TVET negara melalui penubuhan Majlis TVET Negara (MTVET). Melalui majlis, usahasama dengan 11 kementerian, dasar-dasar utama TVET akan dilihat secara lebih holistik, memperkasa kolaborasi sinergi industri dengan penyedia TVET, membangun data raya TVET dan merangka penjenamaan TVET Nasional.

Inisiatif-inisiatif ini dilaksanakan secara berperingkat dan melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan diyakini berupaya mempertingkat kualiti program TVET dan juga kebolehpasaran graduan TVET.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH	:	23 MAC 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 36

DATUK MOHAN A/L THANGARASU minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan data mengenai jumlah pengambilan pelajar di Universiti Awam mengikut kaum mulai tahun 2017 hingga 2021 mengikut kursus kritikal dan dalam bidang STEM terutama bidang perubatan, perundangan dan kejuruteraan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, asas pemilihan bagi proses kemasukan ke Universiti Awam bagi Program Pengajian lepasan STMP/Setaraf adalah berdasarkan prinsip meritokrasi dengan menggunapakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Manakala, bagi lepasan Diploma/Setaraf, pemilihan adalah berasaskan 100% markah akademik.

Dari segi penawaran ke program **pengajian dalam bidang perubatan** *(National Education Code, NEC: 721- Medicine)*, statistik lima (5) tahun terkini iaitu bermula tahun 2017 sehingga tahun 2021 menunjukkan penawaran tertinggi adalah sebanyak 695 penawaran pada tahun 2018, dengan pecahan penawaran kepada bumiputera sebanyak 448 (64.46%) dan bukan bumiputera sebanyak 247 (35.54%). Manakala pada tahun 2019, penawaran ke program ijazah di bidang perubatan adalah sebanyak 665 penawaran dengan pecahan 408 (61.35%) terdiri dari bumiputera dan 257 (38.65%) merupakan bukan bumiputera.

Penawaran tertinggi dalam **bidang perundangan (kecuali program pengajian syariah)** *(undang-undang (NEC: 380 - Law))* bagi tempoh 5 tahun adalah pada tahun 2017, iaitu

sebanyak 978 penawaran dengan 642 penawaran (65.64%) adalah kepada bumiputera 336 penawaran (34.35%) kepada bukan bumiputera.

Bagi **bidang kejuruteraan** pula, *(NEC: 521 - Mechanics And Metal Works, 522 - Electricity & Energy, 523 - Electronics & Automation, 524 - Chemical & Process Dan 526 - Civil Engineering)* pada tahun 2018, sebanyak 7,687 penawaran dengan pecahan 5,751 (74.81%) kepada bumiputera dan 1,936 (25.18%) kepada bukan bumiputera mendahului bidang perubatan dan perundangan. Data penawaran program pengajian kejuruteraan ini tidak melibatkan mana-mana program pengajian yang menggunakan nama 'teknologi kejuruteraan' dan mana-mana program pengajian yang tidak menggunakan nama 'kejuruteraan'.

Kejayaan penawaran merujuk kepada susunan merit permohonan layak yang melepasi syarat am dan syarat khas program pengajian, serta bergantung kepada bilangan tempat yang disediakan oleh UA. Bagi tahun 2021, dapat dilihat secara dinamik, peningkatan penawaran ke Program Pengajian Ijazah sarjana Muda bagi ketiga-tiga bidang perubatan, perundangan dan kejuruteraan kepada calon bukan bumiputera berbanding tahun 2020. Manakala sedikit penurunan penawaran kepada calon bumiputera bagi Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, dan sedikit peningkatan penawaran bidang perubatan dan perundangan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN
TARIKH	:	23 MAC 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 54

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah peratusan pelajar mendaftar dalam pengajian tinggi berbanding pelajar yang mendaftar dalam sektor TVET dan latihan dalam industri.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2021, secara keseluruhannya seramai 384,708 pelajar baharu telah mendaftar di Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. Daripada jumlah tersebut, 38,047 pelajar atau 9.9 peratus telah mendaftar di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Pada masa ini, anggaran bilangan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti yang sedang menjalani latihan industri (LI) secara keseluruhannya adalah seramai 25,380 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 20,497 pelajar sedang menjalani LI di Politeknik dan seramai 4,883 pelajar sedang menjalani LI di Kolej Komuniti.

Kementerian telah melaksanakan usaha dan strategi yang dinamik ke arah memartabatkan pendidikan TVET selain menangkis tanggapan dan mengubah mentaliti masyarakat terhadap program TVET sebagai pendidikan kelas ketiga melalui inisiatif berikut:

i. Melaksanakan promosi Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) dalam pelbagai platform samada platform media elektronik dan media cetak,

promosi media sosial, promosi bersama agensi dan kementerian, pihak sekolah dan guri kaunseling serta jerayawara mengikut zon di seluruh negara;

ii. Menambahbaik kandungan dan penawaran program TVET dengan merangka program TVET yang berkualiti berteraskan IR 4.0 dan berpacu industri; serta

iii. Menambahbaik ekosistem TVET negara melalui penubuhan Majlis TVET Negara (MTVET). Melalui majlis, usahasama dengan 11 kementerian, dasar-dasar utama TVET akan dilihat secara lebih holistik, memperkasa kolaborasi sinergi industri dengan penyedia TVET, membangun data raya TVET dan merangka penjenamaan TVET Nasional.

Inisiatif ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan melibatkkan pelbagai pihak berkepentingan agar berupaya mempertingkat kualiti program TVET dan kebolehpasaran graduan. Selain itu, inisiatif ini juga boleh membantu ke arah masa hadapan graduan TVET dalam aspek pendapatan yang lebih terjamin.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH
TARIKH	:	24 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 17

Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk mewajibkan lepasan SPM yang tidak melanjutkan pengajian dalam bidang akademik agar menyambung pembelajaran dalam aliran TVET.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan institusi Pendidikan Latihan dan Kemahiran Vokasional atau TVET bertujuan untuk memberi pendidikan kemahiran dalam pelbagai bidang kepada para belia dan pelajar khususnya bagi memenuhi permintaan industri. Perkara ini selaras hasrat kerajaan dalam menambahbaik taraf hidup rakyat melalui pendidikan, pengetahuan dan kemahiran. Tenaga kerja yang berkemahiran dan kompeten secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, perubahan teknologi dan tenaga kerja global.

Pendidikan TVET di Malaysia terdiri daripada penyedia TVET dalam kategori sektor awam dan swasta. Sehingga Disember 2021, lebih daripada 1,000 institusi dan penyedia TVET telah dikenal pasti di seluruh negara dan semua institusi berdaftar dengan 11 kementerian berasingan. Daripada jumlah tersebut, politeknik dan kolej komuniti merupakan institusi di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

Buat masa ini, Kementerian tidak mewajibkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak melanjutkan pengajian dalam bidang akademik untuk menyambung pengajian dalam bidang TVET. Walau bagaimanapun, syarat kemasukan

pelajar yang lebih fleksibel untuk menyambung pengajian telah diperkenal sebagai salah satu inisiatif bagi menggalakkan lebih ramai pelajar menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi melalui penilaian *Accreditation of Prior Experential Learning (APEL)* seperti berikut:

i. Kemasukan pelajar melalui kelayakan akademik (APEL A);
ii. Kemasukan pelajar melalui penilaian kredit (APEL C); atau
iii. Kemasukan pelajar melalui penilaian pengalaman (APEL Q).

Melalui peluasan syarat-syarat kemasukan ini, lebih ramai lulusan lepasan SPM yang bekerja setelah tamat belajar berpeluang untuk menyambung pengajian dalam bidang TVET, seterusnya mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masing-masing. Walau bagaimanapun, Kementerian menyambut baik cadangan ini dan kajian lebih terperinci serta lain-lain pertimbangan perlu dibuat bersama pelbagai pihak berkepentingan sebelum keputusan pelaksanaan sebenar dapat dimuktamadkan.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH	:	24 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 29

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian menjalankan kajian berkenaan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kualiti graduan dan kadar pengangguran sewaktu pandemik ini.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menjalankan Kajian Kualiti Pengajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID-19 di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia. Kajian ini mula dijalankan pada 15 November 2020 melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Ketua-ketua e-Pembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA).

Kajian ini melibatkan semua IPT di Malaysia sebagai responden termasuk IPT yang bukan di bawah seliaan KPT seperti Institut Latihan Kemahiran (ILKA) dan Kolej Vokasional (KV) melalui edaran soal selidik bermula 15 Mac 2021 sehingga 30 April 2021. Sebanyak 250 buah IPT di Malaysia termasuk dari institusi yang bukan di bawah seliaan KPT telah memberi maklum balas yang melibatkan 5,579 orang pensyarah, 24,569 orang pelajar dan 1,220 orang staf sokongan bagi pembelajaran dalam talian.

Dalam kajian ini, KPT memberi tumpuan terhadap **empat (4) kategori utama responden** yang terlibat dalam pembelajaran dalam talian iaitu **pelajar, tenaga pengajar, kakitangan sokongan institusi serta governan IPT**.

Daripada perspektif **pelajar**, hasil kajian mendapati tahap kepuasan pelajar bagi pembelajaran dalam talian dipengaruhi oleh faktor kompetensi pensyarah dalam memberikan maklum balas dan memantau kemajuan pelajar. Dalam aspek lain, walaupun majoriti pelajar menyatakan tidak tertekan dengan pengalaman pembelajaran dalam talian, 24.55% pelajar amat bersetuju bahawa beban kerja bagi pembelajaran dalam talian adalah lebih tinggi berbanding pembelajaran secara bersemuka.

Manakala, perspektif **tenaga pengajar** menunjukkan bahawa komitmen institusi dalam menyokong pensyarah bagi pembelajaran dalam talian yang berkesan merupakan faktor yang mempengaruhi tahap kepuasan pensyarah. Selain itu, majoriti pensyarah didapati berminat untuk meneruskan pembelajaran dalam talian pada masa hadapan.

Bagi **staf sokongan**, faktor yang mempengaruhi tahap kepuasan mereka adalah komitmen institusi dalam mengenal pasti skop dan bidang kerja mereka bagi pembelajaran dalam talian. Majoriti staf sokongan juga (90.98%) cenderung untuk menyokong pembelajaran dalam talian di institusi pada masa hadapan.

Melalui kajian ini bagi aspek **governan IPT** yang dapat menyokong penambahbaikan kualiti pembelajaran dalam talian, institusi akan lebih bersedia untuk tujuan pembelajaran dalam talian sekiranya mempunyai hala tuju yang strategik dalam pengagihan peruntukan dan merancang pelaksanaan pembelajaran dalam talian. Malah, 90.04% institusi cenderung untuk meneruskan pembelajaran dalam talian pada masa hadapan sebagai salah satu strategi dalam menawarkan pendidikan yang lebih fleksibel.

Oleh itu, secara umumnya, hasil kajian ini dapat membantu KPT mengenal pasti cabaran dan kekangan pelaksanaan PdP dalam talian untuk penambahbaikan pada masa hadapan. Selain itu, kajian ini juga merupakan kesinambungan daripada satu kajian khas bertajuk 'Kesan COVID-19 terhadap Ekonomi dan Individu' yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang melihat kepada kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap pelbagai sektor industri yang menyebabkan kehilangan pekerjaan dan peningkatan kadar pengangguran di negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD
TARIKH	:	24 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 61

Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **Menteri Pengajian Tinggi** menyatakan senarai projek atau produk komersil yang dihasilkan oleh pengkaji universiti tempatan melalui usahasama dengan syarikat yang tersenarai di Bursa Kuala Lumpur dan syarikat Fortune 500 di peringkat antarabangsa mulai tahun 1990 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa memainkan peranan proaktif dalam membantu universiti awam (UA) memacu ekonomi Malaysia dalam bidang pengkomersilan mahupun dalam penyelidikan.

Secara keseluruhannya, banyak UA terlibat dalam bidang penyelidikan produk dan pengkomersilan dengan kerjasama syarikat kecil dan sederhana dalam penghasilan produk yang bermutu tinggi. Sebagai contoh, terdapat enam (6) UA yang terlibat secara aktif dalam bidang pengkomersilan harta intelek, projek kontrak penyelidikan, projek konsultasi dan projek kerjasama rundingan bersama syarikat – syarikat yang tersenarai dalam Bursa Saham Malaysia ataupun syarikat Fortune 500, seperti berikut:

Bil.	UA	Projek/ Produk/ Kerjasama	Nama Syarikat
1.	**Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**	i. Produk pembalut luka berasaskan madu (penyelidik: Prof. Madya Dr. ChM Khairul Anuar Mat Amin); ii. Proses penghasilan madu kelulut secara komersial (penyelidik: Prof. Dr Shamsul Bahri b Abd Razak)	Paradigm Industry Sdn. Bhd. (Anak syarikat Pharmaniaga Berhad)
2.	**Universiti Teknologi MARA (UiTM)**	i. Kolaborasi penyelidikan dengan Petronas Sdn Bhd bagi projek *Biocide Enhanced Chemical for Microbial Induced Corrosion* (BioMETT) dan perjanjian juga telah ditandatangani bagi tujuan tersebut; ii. Projek "*Financial Independence Strategy for Community Entrepreneur* (FISCENT)" bagi tajaan projek selama setahun bermula April 2022 sehingga Mac 2023	i. Petronas Sdn Bhd ii. Pfizer Inc.
3.	**Universiti Putra Malaysia (UPM)**	i. UPM telah mengkomersilkan sebanyak 211 harta intelek melalui 100 syarikat usahasama di Malaysia yang secara majoritinya adalah syarikat terbitan baharu (*startup*) dan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (*small and medium enterprise*). ii. Buat masa ini, tiada usahasama pengkomersilan yang dijalankan bersama syarikat yang tersenarai di Bursa Kuala Lumpur dan syarikat Fortune 500 di peringkat antarabangsa.	

Bil.	UA	Projek/ Produk/ Kerjasama	Nama Syarikat
4.	**Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**	Penyelidik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menjalinkan kolaborasi bersama pihak industri melalui kerjasama penyelidikan kontrak dan perundingan. Sehingga kini, pihak UTM telah melaksanakan **23 projek kontrak penyelidikan** dan **7 projek perundingan** bersama syarikat yang tersenarai di Bursa Kuala Lumpur dan syarikat Fortune 500.	

Selain itu, antara syarikat-syarikat lain yang terlibat dengan kerjasama bersama pihak UA adalah seperti *KL International Airport* Berhad, MIMOS Berhad, *Toyota Autobody Japan*, MISC Berhad, Prasarana Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Felda *Palm Industries*, Perusahaan Otomobil Malaysia Berhad, Padiberas Nasional Berhad, *Sime Darby*, *Coca-Cola* Malaysia, *Nestle*, Sirim Berhad, *Heveaboard* Berhad, *Top Glove* dan Bank Rakyat.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	PUAN LIM HUI YING
TARIKH	:	28 MAC 2022 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 15

PUAN LIM HUI YING minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kadar pengangguran dalam kalangan graduan di setiap negeri pada tahun 2019, 2020 dan 2021.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Merujuk kepada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), bilangan graduan yang belum bekerja dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian adalah seramai 41,161 graduan pada tahun **2019**, 40,550 graduan pada tahun **2020** dan 41,467 graduan pada tahun **2021**.

Manakala bagi data bilangan graduan yang belum bekerja mengikut perincian negeri bermastautin, seramai **151 orang graduan tidak menyatakan negeri bermastautin bagi data tahun 2019, 336 orang graduan tidak menyatakan negeri bermastautin pada tahun 2020 dan 41 orang tidak menyatakan negeri bermastautin pada tahun 2021**. Bagi data tahun 2019 sehingga 2021, **jumlah graduan yang belum bekerja tertinggi dicatatkan di negeri Selangor** iaitu seramai 8,074 bagi tahun 2019, 7,578 pada tahun 2020 dan 8,069 pada tahun 2021.

Dalam perkara yang berkaitan isu pengangguran graduan universiti di negara ini serta dalam usaha melahirkan graduan-graduan universiti yang menepati kehendak pasaran, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa berusaha melaksanakan beberapa langkah utama seperti:

i. Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskillling;*
ii. Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE);
iii. Melaksanakan *Structured Internship Programme (SIP);*
iv. Menyemak dan menambahbaik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan; dan
v. Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN LIM HUI YING

TARIKH : 29 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN : NO. 24

PUAN LIM HUI YING minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kadar pengangguran dalam kalangan graduan dalam pasca pandemik serta apakah strategi Kerajaan terhadap kebolehpasaran graduan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), bilangan graduan tahun 2021 yang belum bekerja dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian adalah seramai 41,467 orang (14.5%) daripada 286,299 responden graduan (warganegara).

Dalam memastikan kadar kebolehpasaran graduan ditingkatkan terutamanya pada era pasca pandemik COVID-19, KPT telah menggariskan empat (4) strategi utama iaitu memantapkan pelaksanaan program, *reskilling* dan *upskilling;* memudah cara pelajar untuk melanjutkan pengajian; melaksanakan padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja; dan meningkatkan pelaksanaan program-program keusahawanan. Selain itu, KPT juga telah mewujudkan pelbagai program kolaborasi bersama pihak swasta dan industri bagi memastikan permintaan pasaran pekerjaan dan keperluan industri dapat dipenuhi dan seterusnya meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan, antaranya seperti berikut:

i. **Program *Industry@University*** yang telah mewujudkan 18 *Competence Centre*, 4 *University Revolution Teaching Factory MTUN* dan 20 *Makers@University* iaitu:

(a) **Program 4.0** ***Industry Revolution Competence*** mewujudkan prasarana dan memperkasa pembelajaran dan penyelidikan di samping perkongsian ilmu, kemahiran dan penggunaan teknologi digital terkini dengan agensi kerajaan, industri dan masyarakat;

(b) **Program** ***University Revolution Teaching Factory*** **(URTF) MTUN** yang memberi pendedahan kepada pelajar kepada kemahiran insaniah seperti pengurusan dam penyeliaan yang diperlukan dalam tenaga kerja; dan

(c) **Program** ***Makers@University*** mewujudkan ruangan khusus bagi menggarap cetusan idea inovasi dan memberikan peluang serta pengalaman *hands on* kepada mahasiswa Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam melahirkan idea-idea inovatif dan kreatif.

ii. ***Research Enhanced-Structured Intership Programme*** **(RE-SIP)** yang merupakan pemangkin dalam merancakkan kerjasama penyelidikan strategik dan mampan di antara Universiti dan Industri melalui gabungan Latihan Industri dan Projek Sarjana Muda (PSM) pelajar; dan

iii. **Program** ***Industry@RU*** bagi mewujudkan kerjasama di antara industri dan juga Universiti Penyelidikan (RU) di Malaysia.

KPT juga sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan graduan yang dikeluarkan dapat memenuhi keperluan sumber manusia oleh industri sama ada dari sudut bidang pengajian, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Usaha oleh kementerian ini dilaksanakan melalui pelbagai strategi, antaranya seperti berikut:

i. **Menyemak dan menambahbaik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan.** KPT menekankan agar program pengajian serta kandungan kursus pengajian hendaklah sentiasa disemak secara berkala oleh IPT berkaitan. Saringan dilaksanakan bersama beberapa Jabatan dan Agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam; Jabatan Perangkaan Malaysia; Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA); Talentcorp; *Malaysia Investment Development Authority* (MIDA), Badan Profesional dan lain-lain bagi memastikan program-

program akademik atau bidang pengajian ditawarkan adalah sejajar dengan keperluan guna tenaga negara serta memenuhi kehendak industri.

ii. **Melancarkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.** Pelan ini merupakan usaha jangka sederhana untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dan telah dilancarkan pada 16 Oktober 2021. Pelan yang dibangunkan ini adalah hasil libat urus pelbagai pihak berkepentingan seperti industri, akademia, pembuat dasar dan sebagainya yang menggariskan empat strategi, iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemerkasaan Hubungan Industri. Melalui strategi-strategi ini, pelaksanaan program peningkatan kebolehpasaran graduan akan lebih tersusun dan dijangkakan keberhasilannya dapat melahirkan graduan yang lebih holistik, berdaya saing tinggi dan mapan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN

TARIKH : 29 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN : NO. 40

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan selain daripada model Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dipelajari dari negara Jerman, apakah model-model lain yang dapat meningkatkan lagi penglibatan anak muda dalam sektor TVET dan latihan dalam industri.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Secara umumnya, pendekatan pendidikan ***Outcome-based Education*** **(OBE)** digunapakai oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), swasta, politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). OBE memberi penekanan kepada kemenjadian seorang pelajar mencapai hasil pembelajaran (*learning outcome*) yang dihasratkan di akhir pengajian iaitu di peringkat kursus (mikro) dan program pengajian (makro).

Dalam hal ini, pelajar bidang TVET di politeknik dan kolej komuniti merupakan *all-rounder* iaitu berkemahiran dalam bidang teknikal (*specialist*) serta generik (*generalist*). Justeru, Kementerian telah mengguna pakai pendekatan model pendidikan kejuruteraan ***Conceive-Design-Implement-Operate*** **(CDIO)** yang diasaskan pada tahun 1990 an oleh *Massachusetts Institute of Technology* (MIT) dari Amerika Syarikat bersama tiga universiti Eropah yang terdiri daripada *Chalmers University of Technology*, *Linkoping University* dan *The Royal institute of Technology.*

Model CDIO ini diasaskan bagi memenuhi tuntutan kedua-dua ahli akademik serta industri kejuruteraan yang menitikberatkan graduan yang menguasai kemahiran

kejuruteraan dan juga mempunyai kemahiran CDIO (kemahiran personal, interpersonal, dan kemahiran pembinaan, produk, proses dan sistem). Objektif pelaksanaan CDIO *Integrated Curriculum* adalah seperti berikut:

i. Mengintegrasikan kursus-kursus bagi mengoptimumkan hasil pembelajaran; dan

ii. Menggalakkan pelajar dan pensyarah untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam membantu menyelesaikan masalah industri/komuniti.

Pendekatan model CDIO ini telah diperkasa melalui pelaksanaan *CDIO Integrated Curriculum* dengan pendekatan penggabungjalinan bidang atau disiplin dengan kemahiran CDIO terdiri daripada kemahiran personal, interpersonal dan kemahiran pembinaan, produk, proses dan sistem dan kebiasaannya beroutputkan projek.

Selain itu, program pengajian di politeknik dan kolej komuniti mengunapakai pendekatan yang **berkonsepkan *duality*** iaitu pengalaman pembelajaran yang melibatkan dua(2) komponen;

i. komponen pembelajaran di institusi; dan

ii. komponen pembelajaran di industri.

Pelaksanaan konsep *duality* ini dibuat secara **sekuensial (*sequential)*** yang mana pembelajaran yang bermula di Politeknik/Kolej Komuniti dan diakhiri dengan proses pembelajaran di industri. Melalui, konsep ini, para pelajar mendapat pengalaman sebenar di industri dan secara tidak langsung menepati kemahiran yang diperlukan oleh industri terhadap para graduan sebelum memasuki alam pekerjaan .

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD ARIP

TARIKH : 29 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN : NO. 46

TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD ARIP minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimana kriteria pemilihan akademik untuk Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) dan berapakah jumlah pengambilan untuk setiap tahun.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang Di Pertua,

Sebagai makluman, Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) ini berfokus kepada pelajar B40 kategori lepasan STPM/Setaraf yang memperoleh keputusan yang cemerlang, namun tidak dapat meneruskan pengajian kerana kemudahan dan kewangan keluarga yang tidak mencukupi.

Dalam aspek pengenalpastian potensi atau calon pelajar dari kalangan B40 bagi program ini, calon dikenalpasti melalui permohonan UPUOnline melibatkan Universiti Awam (UA) terpilih. Pengenalpastian ini adalah berdasarkan kriteria pemilihan pelajar seperti berikut:

i. Kategori B40;

ii. Anak pertama di dalam keluarga yang akan meyambung pengajian di Universiti (belum ada seorang adik beradik yang telah menyambung pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sekurang-kurangnya di tahap diploma);

iii. Memenuhi kelayakan minimum syarat am dan syarat khas program pengajian Ijazah Sarjana Muda di UA; dan

iv. Bidang Pengajian yang ditawarkan:

a) Perubatan
b) Pergigian
c) Kejuruteraan
d) Undang-undang
e) Perakaunan dan Perniagaan
f) Pendidikan TESL

Dalam hal ini, Kementerian akan mengenal pasti pelajar-pelajar yang memenuhi kriteria yang ditetapkan melalui garis panduan yang dibina. Bagi kohort pertama pelaksanaan program, secara keseluruhannya, dianggarkan terdapat 80 orang pelajar yang akan terlibat di mana sepuluh (10) orang pelajar akan dipilih bagi setiap lapan (8) universiti yang menjadi perintis program ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Kementerian kini sedang dalam proses meneliti cadangan penambahbaikan dan sasaran program pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN SERUANDI BIN SAAD
TARIKH	:	30 MAC 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 21

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana isu keciciran dan masalah melibatkan pembelajaran dalam talian mengakibatkan mahasiswa terpaksa melanjutkan tempoh pengajian dan bagaimanakah Kementerian menangani impak penularan varian Omicron di IPT pada masa kini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Seiring dengan perkembangan penularan wabak COVID-19, kaedah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dalam talian atau secara maya merupakan suatu keperluan dan telah dilaksanakan oleh semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Dalam hal ini, KPT memandang serius usaha yang diambil dalam mengenalpasti pelajar yang menghadapi kesukaran atau keciciran dalam pembelajaran. Justeru, kaedah pentaksiran dan penilaian diubahsuai mengikut kesesuaian pelajar di mana IPT diberi fleksibiliti dalam menentukan kaedah PdP. Selain itu, bantuan sokongan dan bimbingan turut diberikan kepada pelajar yang telah dikenalpasti sebelum akhir semester dan peperiksaan akhir bermula.

Dalam konteks pelaksanaan ini, kaedah pembelajaran secara tidak segerak adalah bersesuaian untuk pelajar yang menghadapi masalah akses internet kerana pelajar boleh memuat turun nota dan rakaman PdP serta mengakses bahan-bahan berkenaan pada bila-bila masa di mana jua pelajar berada. Terdapat juga pensyarah yang berusaha

mengurangkan saiz data internet yang digunakan dengan memilih format-format tertentu untuk menyimpan data sebelum dimuat naik untuk kemudahan dan kegunaan pelajar.

Selain itu, merujuk kepada Sistem Pelaporan Pencapaian PLO (S3P) di Politeknik, purata pencapaian CLO dan PLO program adalah di antara 75% hingga 85%. Dalam hal yang berkaitan, kadar keciciran pada awal tahun 2021 menurun sebanyak 0.63% atau secara keseluruhan 1.28% berbanding pada tempoh yang sama pada awal tahun 2020 iaitu 1.91%. Penentuan kadar keciciran dikira berdasarkan peratusan pelajar yang gagal dan diberhentikan (GB), bertukar institusi, berhenti, bekerja dan hal-hal lain.

Berdasarkan laporan ini, prestasi pelajar sepanjang pembelajaran secara maya adalah sangat memuaskan dan berada dalam kualiti yang setara dengan pembelajaran secara bersemuka.

Walaubagaimanapun, penularan varian Omicron COVID-19 telah memberi kesan terhadap kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya bagi program TVET, program-program kejuruteraan dan perubatan yang sangat bergantung kepada latihan praktikal dan penggunaan peralatan di makmal. Justeru, selaras dengan kemasukan pelajar IPT bermula Mac 2022, ketetapan telah dibuat agar IPT melaksanakan ujian pengesanan ketika kemasukan dan keberadaan warga IPT di kampus selaras dengan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH). Warga IPT yang masuk ke kampus perlu mematuhi SOP sedia ada dan melalui proses saringan yang telah ditetapkan seperti pemakaian pelitup muka dan penggunaan aplikasi MySejahtera.

IPT juga perlu menyediakan pusat pengasingan dan kuarantin bagi menguruskan pelajar bergejala di kampus, serta memperkasakan peranan Jawatankuasa Tindakan Kecemasan dan Bilik Gerakan di setiap institusi. IPT telah disarankan untuk membantu menguruskan vaksinasi warga IPT dan memastikan pematuhan SOP yang sedang berkuat kuasa dilaksanakan melalui pemantauan secara berterusan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL
TARIKH	:	30 MAC 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 42

PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mekanisma Kerajaan untuk menentukan pelajar-pelajar yang gagal mendapat tempat di Institut Pendidikan Tinggi Awam meskipun mereka memenuhi syarat-syarat kemasukan tidak tercicir daripada mendapatkan pendidikan tinggi.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berperanan untuk menyelaras kemasukan pelajar lepasan SPM dan STPM/Setaraf ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi program Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda berasaskan prinsip meritokrasi tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri. Prinsip meritokrasi yang dilaksanakan bagi kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA adalah berasaskan pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum (10%).

Pemilihan kemasukan ini adalah berasaskan dasar, prosedur dan kriteria yang telah ditetapkan serta telah disebar luas secara dalam talian di laman web rasmi KPT melalui laman web Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA JPT). Calon juga telah dimaklumkan dengan jelas bahawa tiada jaminan mendapatkan tawaran program pengajian berdasarkan kepada kedudukan merit semata-mata disebabkan ia turut tertakluk kepada susunan merit, pilihan program pengajian, memenuhi syarat am dan khas program pengajian yang ditetapkan oleh IPTA dan ILKA, bilangan tempat yang disediakan, serta lulus temuduga dan ujian bagi program pengajian yang menetapkan syarat berkenaan.

Dalam konteks ini, terdapat beberapa mekanisma yang boleh diambil oleh pelajar yang tidak berjaya ditempatkan di IPTA atau ILKA, iaitu:

i. membuat permohonan rayuan kemasukan ke IPTA dan ILKA mengikut proses sedia ada;

ii. menyambung pengajian dalam bidang TVET dengan kelayakan minimum lepasan SPM untuk kemasukan ke program pengajian diploma di Politeknik Konvensional /Politeknik METrO dan ILKA. Bagi tujuan ini, calon hanya perlu memiliki Sijil SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya tiga kepujian dan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah;

iii. memohon dengan kelayakan minimum lepasan SPM untuk kemasukan ke Program Pengajian Sijil di Kolej Komuniti dan ILKA juga hanya memperuntukkan syarat mudah dengan calon memperoleh sijil SPM, boleh membaca, menulis dan mengira;

iv. memohon program pengajian di bidang *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) (yang terbuka kepada semua calon yang berkelayakan) di mana selain Program Pengajian TVET ditawarkan di Politeknik Dan Kolej Komuniti, KPT turut bekerjasama dengan 4 ILKA dari beberapa Kementerian lain yang menawarkan program pengajian diploma dan sijil berteraskan TVET di dalam sistem permohonan UPUOnline seperti berikut:
    a) Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS), Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
    b) Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM);
    c) Bahagian Pembangunan Kapasiti Dan Latihan Pertanian (BPKLP), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI); dan
    d) Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	PUAN NORAINI BINTI IDRIS
TARIKH	:	31 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 6

PUAN NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dasar serta elemen baharu yang diterapkan dalam pembelajaran dan pengajaran di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebagai inisiatif bagi meningkatkan kematangan serta literasi demokrasi dalam kalangan penuntut universiti khususnya yang terdiri daripada pengundi baharu dalam Pilihan Raya Ke-15 kelak.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Suka dinyatakan sepintas lalu bahawasanya dalam konteks pendidikan di pengajian tinggi ini pembelajaran pelajar adalah bersifat formal dan tidak formal. Dalam konteks formal ini, ingin saya nyatakan di sini bahawasanya inisiatif bagi meningkatkan kematangan serta literasi demokrasi dalam kalangan penuntut universiti dilaksanakan dalam pembelajaran dan pengajaran secara formal melalui Matapelajaran Pengajian Umum (MPU). Ini dilaksanakan melalui **Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban** yang mana kursus ini telah diperkenalkan pada tahun 2019 dan bertujuan untuk memperteguhkan pemikiran kritikal dan analitikal pelajar melalui penghayatan kepada etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Silibus kursus ini juga meliputi termasuklah literasi demokrasi dimana ia merupakan sebahagian daripada perkara yang disentuh dibawah satu modul dalam kursus ini dipanggil sebagai **modul perlembagaan** sebagai asas integrasi dan juga wahana etika dan peradaban di Malaysia. Semua pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) wajib mengikuti kursus ini.

Selain daripada menerapkan elemen demokrasi melalui aktiviti pembelajaran dan pengajaran di institusi pendidikan tinggi (IPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Awam (UA) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga telah melaksanakan serta sedang merancang pelaksanaan beberapa program termasuk **program pendidikan pengundi.**

Bagi tujuan ini, program-program yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memastikan bahawasanya kita mampu meningkatkan kematangan serta memperkasakan literasi mahasiswa berhubung sistem demokrasi, pilihan raya dan politik negara disamping meningkatkan kesedaran mereka terhadap kepentingan menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi. Antara program-program yang sedang dirancang adalah seperti berikut:

(i) Konvensyen Pemerkasaan Undi 18;
(ii) Penerapan pendidikan pengundi dalam silibus universiti sama ada melalui subjek elektif sedia ada atau subjek elektif baru khusus;
(iii) Penubuhan kelab pendidikan pengundi; dan
(iv) Program Mahasiswa Cakna Undi 18.

Bagi memastikan **pelaksanaan program-program ini dapat diselaraskan di peringkat nasional**, **Memorandum Persefahaman** (*Memorandum of Understanding – MoU*) mengenai perkara ini sedang dalam peringkat untuk ditandatangani **antara pihak SPR dan setiap UA**. Dalam hal ini, Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah menjadi universiti perintis yang menandatangani MoU bersama SPR pada 27 Januari 2022 yang kemudiannya akan disusuli dengan UA yang lain. Selain itu, KPT dengan kerjasama Majlis Tatatertib dan Disiplin Universiti Awam (MATDUM) juga kini sedang menyediakan dua (2) Garis Panduan berkaitan iaitu:

(i) Garis Panduan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Awam; dan
(ii) Garis Panduan Penyertaan Mahasiswa dalam Kegiatan Politik di Dalam dan Luar Kampus.

Untuk makluman semua, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) telah dibuat pindaan di mana parti-parti politik mula boleh bergiat atau berpartisipasi dengan aktiviti di dalam kampus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI
TARIKH	:	31 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 12

DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah mahasiswa OKU di setiap universiti awam, politeknik dan kolej komuniti serta apakah tindakan Kementerian terhadap IPT yang mendiskriminasi OKU dan yang tidak mempunyai kemudahan mesra OKU.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin dan sebenarnya peka terhadap kebajikan dan kesejahteraan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), termasuk pelajar golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Berdasarkan kepada sistem MyMoheS Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pada tahun 2021 terdapat seramai 1,106 pelajar OKU dengan pecahan seramai 847 orang pelajar OKU di Universiti Awam (UA) dan 148 orang pelajar OKU di Politeknik serta 111 orang pelajar OKU di Kolej Komuniti. Bilangan ini perlu ditambah pada masa akan datang dan perlu diuar-uarkan kepada semua bahawasanya pendidikan ini merentasi semua keadaan dan tiada sebarang pengecualian kepada semua pelajar asalkan mereka adalah warganegara Malaysia.

Dalam konteks ini, sukacita dinyatakan secara jelas bahawasanya pihak Kerajaan tidak pernah membuat sebarang diskriminasi melalui KPT atau universiti terhadap OKU, malah KPT sebenarnya telah melaksanakan beberapa kaedah dan langkah dalam usaha untuk memastikan bahawasanya pelajar-pelajar kurang upaya ini diberikan perhatian yang sebaik mungkin antaranya:

(i) **Penubuhan Jawatankuasa Hal Ehwal Kebajikan Mahasiswa OKU di peringkat KPT** yang dianggotai oleh wakil-wakil Unit Perkhidmatan dan Sokongan OKU daripada UA serta persatuan dan NGO OKU. Penubuhan

jawatankuasa ini bertujuan untuk meneliti dan membincangkan isu-isu berbangkit berhubung kemasukan pelajar OKU ke IPT;

(ii) **Penubuhan Unit Perkhidmatan dan Sokongan OKU di UA** yang berfungsi sebagai badan yang menjaga kebajikan dan menyediakan perkhidmatan dan sokongan khusus bagi pelajar dan staf golongan OKU. Unit ini bernaung di bawah seliaan Naib-naib Canselor di UA masing-masing;

(iii) **Pembangunan Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di IPT** pada tahun 2019 yang bertujuan memperkasa kemudahan dan sistem sokongan pendidikan secara berterusan kepada pelajar OKU di IPT; dan

(iv) **Pembangunan semula sistem berasaskan web yang dinamakan Projek Kerangka Kampus Inklusif Meningkatkan Kemasukan Pelajar OKU ke UA Malaysia**.

Selain itu, bagi menggalakkan lebih ramai Pelajar Kurang Upaya (PKU) mengikuti pengajian di politeknik dan kolej komuniti, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) juga telah melaksanakan beberapa aktiviti promosi antaranya adalah Program Promosi Kemasukan ke Politeknik dan Kolej Komuniti melalui Slot MyJJ'21 "Anda Tanya Kami Jawab".

Sekian terima kasih.

MESYUARAT PERTAMA DEWAN NEGARA TAHUN 2022

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ
SOALAN	:	NO. 22

Dato' Wira Othman bin Aziz minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula mekanisma pemberian PTPTN yang menjadikan data penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) sebagai indikator kelayakan tahap pinjaman memandangkan ramai di antara pelajar yang keluarga tidak layak menerima BPR kerana tidak mengemukakan sijil asal perkahwinan kepada pihak LHDN sehingga menjejaskan jumlah pinjaman yang diberikan kepada mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan kadar atau jumlah pembiayaan PTPTN sama ada kadar maksimum (100%), kadar 75% daripada kadar maksimum, atau kadar 50% daripada kadar maksimum telah sedia ditentukan *(predetermined)* berdasarkan pendapatan keluarga serta padanan data Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebagaimana berikut:

KADAR PINJAMAN	KELAYAKAN
Maksimum	Sekiranya pelajar atau penjaga pelajar disenaraikan sebagai penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR)
75% daripada pinjaman maksimum	Pendapatan keluarga tidak melebihi RM8,000 (tiada dalam data BPR)
50% daripada pinjaman maksimum	Pendapatan keluarga melebihi RM8,000 (tiada dalam data BPR)

Bagi peminjam yang tidak mendapat kelulusan pada kadar maksimum pada peringkat awal, rayuan kenaikan jumlah pinjaman daripada pinjaman 75% dan 50% kepada pinjaman maksimum boleh dikemukakan kepada PTPTN sepanjang tempoh pengajian. Pertimbangan permohonan kenaikan jumlah pinjaman pelajar ini adalah tertakluk kepada syarat ibubapa/ Penjaga pelajar/ Pelajar adalah Penerima BPR, atau rayuan permohonan BPR diluluskan oleh LHDN, selain PTPTN mempunyai peruntukan yang mencukupi.

Penggunaan atau padanan data daripada BPR bagi tujuan penentuan kadar pinjaman maksimum adalah mengambilkira integriti atau kesahihan pengesahan pendapatan individu di bawah kendalian LHDN. Kementerian, khususnya menerusi PTPTN sentiasa terbuka untuk mencari kaedah serta pendekatan terbaik, tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
SOALAN	:	NO. 52

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-

(a) jumlah terkini graduan negeri Terengganu yang menganggur dan masih mencari pekerjaan; dan

(b) inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan graduan lepasan universiti tempatan mendapat peluang pekerjaan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a)

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2021 **seramai 2,005 graduan (15.2%) daripada 13,219 graduan kelahiran negeri Terengganu belum bekerja dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian**. Daripada jumlah tersebut, 1,536 graduan (76.6%) sedang aktif mencari pekerjaan yang bersesuaian.

(b)

Pelbagai inisiatif dan usaha berterusan dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memastikan graduan mendapat pekerjaan yang seiring dengan ijazah yang dimiliki. Antara inisiatif dan usaha tersebut adalah dengan mempergiatkan kerjasama dengan industri bagi memperkasakan graduan melalui program-program usahasama contohnya seperti pelaksanaan Program *Industry@University*, *CEO@Faculty*, 2u2i (2 Tahun di Universiti dan 2 Tahun di Industri) dan *Stuructured*

Internship Programme (SIP). Program-program ini bertujuan untuk mempersiap graduan dengan kemahiran yang diperlukan seiring dengan keperluan industri semasa.

Selain itu, KPT juga telah meluluskan 11 program PENJANA KPT-CAP untuk dilaksanakan oleh enam (6) Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Terengganu. Tujuh (7) daripada 11 program tersebut telah dilaksanakan dengan 236 orang peserta. Seramai 191 peserta (80.9%) telah mendapat penempatan pekerjaan. Manakala empat (4) program lagi akan dilaksanakan dalam bulan April dengan sasaran 365 orang peserta.

Dalam merealisasikan usaha jangkamasa panjang, KPT melalui Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025 turut memberi penekanan terhadap elemen pengukuhan kolaborasi dalam bidang pembangunan akademik serta kebolehpasaran graduan yang berimpak tinggi melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Perkara ini digariskan dengan jelas di bawah strategi keempat dalam pelan ini yang secara spesifik memfokuskan kepada pemerkasaan hubungan industri. Dengan pendekatan "*quadruple helix*" yang sinergistik antara graduan; akademik; industri; kerajaan dan komuniti, strategi ini dijangka dapat meningkatkan penglibatan industri secara berstruktur di samping penerapan aktiviti pengajian dengan pensijilan profesional.

Kementerian juga melaksanakan program padanan pekerjaan kepada graduan melalui Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya melalui Modul *Jobmatching@GREaT* sebagai platform untuk memudahkan pihak industri mengenal pasti graduan yang memenuhi kriteria dan keperluan untuk ditawarkan peluang pekerjaan. Modul ini memadankan kriteria keperluan bakat oleh industri secara langsung dengan data graduan dalam Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikawal selia oleh kementerian. Dengan itu, graduan tidak perlu lagi memohon untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh industri. Sebaliknya padanan dilakukan secara automatik oleh sistem berdasarkan kriteria keperluan yang dikunci masuk oleh industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN
SOALAN	:	NO. 72

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah peratus kenaikan atau penurunan kesan pandemik COVID-19 ini dari segi pendaftaran baru pelajar-pelajar ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta pada tahun 2021.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), secara keseluruhannya terdapat peningkatan sebanyak 3.4% dari segi kemasukan pelajar baharu pada tahun 2021 berbanding tahun 2020.

Statistik kemasukan pelajar baharu pada tahun 2021 ini menunjukkan peningkatan di Universiti Awam (UA) sebanyak 2.4%, Politeknik dan Kolej Komuniti masing-masing sebanyak 23.5% dan 61.7%. Sementara itu, IPTS menunjukkan penurunan sebanyak 0.2% berbanding tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14 TAHUN 2022
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

[8 OGOS HINGGA 16 OGOS 2022]

ATURAN URUSAN MESYUARAT
DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA
PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14
8 OGOS HINGGA 16 OGOS 2022

PERTANYAAN LISAN: MINGGU PERTAMA

8 OGOS 2022 (ISNIN) - 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 84] PN-1452-L07794 **Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pendekatan meritokrasi ditekankan dalam pengambilan pelajar ke universiti awam (prosedur, penelitian dan kaedah yang digunakan).
2.	[No. 86] [PN-1452-L07850 **Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan jangka pendek dan panjang untuk menyelesaikan isu pinjaman PTPTN memandangkan tahap gaji graduan yang baru bekerja adalah rendah dan tidak mampu membayar hutang pinjaman tersebut.

9 OGOS MAC 2022 (SELASA) - 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 39] PN-1452-L07896 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk mempertingkatkan biasiswa dan pinjaman serta geran dalam bidang TVET memandangkan sebahagian ramai para pelajar yang amat memerlukan dan yang menyertai aliran ini datangnya daripada golongan kurang berkemampuan dan B40.

10 OGOS 2022 (RABU) - 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 46] PN-1452-L07818 **Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan dalam pengumpulan data dan mendapatkan input serta analisa yang terkini, komprehensif dan mudah di akses dari kalangan pemikir, akademia dan pakar ekonomi dan sosial dalam membantu pihak Kerajaan menambah baik dasar sedia ada dan inisiatif bersasar supaya lebih releven dengan masyarakat dan isu semasa.
2.	[No. 56] PN-1452-L07897 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang dilakukan bersama pemegang taruh seperti pihak industri dalam membiayai bersama atau memberi biasiswa dalam bidang TVET memandangkan ianya juga akan menguntungkan pihak industri.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
3.	[No. 65] PN-1452-L07712 **Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan strategi serta perancangan jangka pendek dan panjang bagi menjadikan Negeri Sembilan sebagai destinasi pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai pilihan bidang pengajian kepada lepasan SPM dan STPM dari seluruh negara serta penuntut antarabangsa.

11 OGOS 2022 (KHAMIS) - 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 22] PN-1452-L08034 **Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah universiti dan kolej universiti yang berdaftar di negara ini dan berapakah jumlah pelajar di universiti dan kolej universiti tersebut.
2.	[No. 37] PN-1452-L08166 **Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendekatan Kerajaan untuk memperkasa pelajar di bawah Program Dermasiswa TVET B40 dan juga untuk menggalakkan penyertaan dan kerjasama yang tinggi dari pihak pemain industri bagi memastikan pelajar tersebut mendapat pendedahan yang mencukupi.
3.	[No. 41] PN-1452-L07697 **Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah resolusi bagi membantu meringankan kos sara hidup para siswa dan siswi yang terkesan dengan kenaikan harga barang terutamanya melibatkan keperluan asas seperti makanan dan barangan keperluan harian.
4.	[No. 106]

	PN-1452-L08181 **Datuk Nicole Wong Siaw Ting** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah bagi menangani masalah kos makanan yang tinggi di institusi pengajian tinggi yang menyebabkan mahasiswa terpaksa menahan kelaparan, selain kawalan harga makanan.
5.	**[No. 112]** PN-1452-L07898 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah KPI dan kayu pengukur yang telah dicapai oleh Majlis TVET Negara sejak penubuhan MTVET.
6.	**[No. 115]** **PN-1452-L07880** **Tuan Aknan Ehtook** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi dapat melahirkan graduan yang holistik dan seimbang sebagaimana yang dihasratkan dan apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi para graduan ini.

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEDUA

15 OGOS 2022 (ISNIN) - 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 26] PN-1452-L08035 **Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan konsep 'microcredential' yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian dan juga untuk mengesahkan bahawa jumlah kumulatif 'microcredential' yang cukup akan membolehkan pelajar memperolehi sijil seperti diploma secara automatik.

16 OGOS 2022 (SELASA) - 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 21] PN-1452-L08111 **Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah jumlah penglibatan OKU dalam program TVET negara bagi tahun 2011-2021 serta usaha Kementerian bagi meningkatkan jumlah OKU dalam program TVET negara.
2.	[No. 75] PN-1452-L07899 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah nisbah peruntukan yang diberi kepada TVET berbanding kepada bidang bukan TVET dan adakah jumlah peruntukan TVET tersebut sepadan dengan IR4.0 dan keperluan dunia.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
3.	[No. 93] PN-1452-L07870 **Tuan Aknan Ehtook** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kadar dan peratus enrolmen bagi setiap Institusi Latihan Kemahiran Awam dan institusi TVET serta adakah Kerajaan bersedia untuk menimbang cadangan agar semua institusi ini diselia oleh satu Kementerian/Jabatan bagi mengoptimumkan sumber.

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

5 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
1.	**[No. 35]** PN-1452-T01385 **Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik terperinci mengenai jumlah bilangan kes keselamatan yang berlaku melibatkan mahasiswa dan mahasiswi di dalam kawasan kampus induk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengikut negeri dari tahun 2018 hingga kini.
2.	**[No. 79]** PN-1452-T01430 **Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah jumlah semasa bagi pengambilan mahasiswa OKU bagi tahun 2021 dan 2022 ke kolej komuniti, politeknik dan program asasi serta apakah tindakan Kementerian bagi menghentikan diskriminasi tidak berlaku kepada OKU ketika proses permohonan UPU atau universiti.
3.	**[No. 104]** PN-1452-T01455 **Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang dilakukan bersama pemegang taruh seperti pihak industri dalam membiayai bersama atau memberi biasiswa dalam bidang TVET memandangkan ianya juga akan menguntungkan pihak industri.
4.	**[No. 114]** **PN-1452-T01465** **Puan Noraini binti Idris** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pemeteraian kerjasama antara Universiti malaysia Sabah (UMS) dengan Universiti Teknikal Yeldiz, Turki berupaya meningkatkan kebolehpasaran graduan dari universiti tempatan tersebut dan bagaimanakah kerjasama itu mampu menyerlahkan UMS sebagai sebuah IPTA yang kompetetif dalam jurusan pengajian teknikal di peringkat ASEAN.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
5.	[No. 134] PN-1452-T01486 **Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi membantu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang semakin kekurangan kemampuan kewangan dalam memberi pembiayaan pendidikan kepada para pelajar.

MESYUARAT KEDUA DEWAN NEGARA TAHUN 2022

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE
TARIKH	:	8 OGOS 2022 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 84

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pendekatan meritokrasi ditekankan dalam pengambilan pelajar ke universiti awam (prosedur, penelitian dan kaedah yang digunakan).

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dasar pengambilan pelajar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah berasaskan kepada prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Kejayaan calon mendapat tempat turut bergantung kepada kedudukan merit serta memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan.

Prinsip meritokrasi ini telah dilaksanakan dalam keseluruhan proses pengambilan pelajar melibatkan permohonan, pemprosesan, pemilihan, hebahan dan rayuan. Dalam melaksanakan meritokrasi, dasar dan kriteria pemilihan yang ditetapkan adalah seperti berikut;

i. Pencapaian akademik dalam peperiksaan.
ii. Pencapaian dalam aktiviti kokurikulum.
iii. Kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan program pengajian yang dipohon.

iv. Gred mata pelajaran untuk tujuan pengiraan markah akademik.
v. Memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas seperti yang ditetapkan oleh IPTA dan ILKA.
vi. Lulus temu duga dan/atau ujian bagi yang menetapkan syarat berkenaan.
vii. Program pengajian pilihan calon mengikut keutamaan.
viii. Bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA dan ILKA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	PUAN LIM HUI YING
TARIKH	:	8 OGOS 2022 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 86

PUAN LIM HUI YING minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan jangka pendek dan panjang untuk menyelesaikan isu pinjaman PTPTN memandangkan tahap gaji graduan yang baru bekerja adalah rendah dan tidak mampu membayar hutang pinjaman tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

PTPTN sentiasa prihatin mengenai isu bayaran balik yang dihadapi oleh peminjam. Di bawah pelaksanaan dasar sedia ada, bayaran balik oleh peminjam hanya akan bermula selepas 12 bulan peminjam menamatkan pengajian bagi memberi ruang dan peluang untuk mereka memperoleh pendapatan yang stabil, sebelum memulakan bayaran balik pinjaman. Di samping itu, peminjam juga boleh memohon untuk menstruktur atau menjadual semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan serta boleh memohon untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman mereka sehingga tempoh maksimum selama 24 bulan sekiranya masih gagal mendapatkan pekerjaan.

PTPTN juga sentiasa proaktif dalam memastikan bayaran balik pinjaman yang berterusan diterima daripada peminjam. Selain daripada dasar serta pendekatan sedia ada, PTPTN juga telah mengambil pendekatan awal untuk melaksanakan sesi atau program libat urus (*engagement*) dengan peminjam-peminjam tahun akhir di IPTA bagi memberikan penerangan serta kesedaran mengenai pengurusan kewangan serta kepentingan untuk membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN. Selain itu, bagi memudahkan peminjam untuk membuat bayaran balik dan menyemak penyata

pinjaman pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja, PTPTN telah melancarkan aplikasi mudah alih (mobile apps) myPTPTN.

Dari segi perancangan jangka panjang pula, PTPTN telah merangka pelan/ strategi kelestarian komprehensif bagi tempoh 5 tahun melalui Pelan Strategik PTPTN 2021 – 2025 dan RMK-12 yang memfokuskan kepada objektif untuk melestarikan PTPTN melalui strategi kewangannya yang teguh demi kelangsungan ekosistem pembiayaan pengajian tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN
TARIKH	:	9 OGOS 2022 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 39

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk mempertingkatkan biasiswa dan pinjaman serta geran dalam bidang TVET memandangkan sebahagian ramai para pelajar yang amat memerlukan dan yang menyertai aliran ini datangnya daripada golongan kurang berkemampuan dan B40.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memastikan program-program penajaan KPT bersifat inklusif bagi menyumbang kepada peluang pendidikan khususnya di peringkat pengajian tinggi. Selaras dengan hasrat ini, KPT secara konsisten berusaha mewujudkan program-program penajaan baharu yang dapat memberikan peluang kepada semua golongan masyarakat terutamanya golongan B40 untuk meneruskan pendidikan di peringkat pengajian tinggi termasuk dalam bidang TVET.

Dalam hal ini, KPT mutakhir ini telah memperkenalkan Program Dermasiswa Kumpulan B40 Bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Program Dermasiswa B40 TVET) sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Perasmian Minggu TVET Negara 2022 pada 20 Jun 2022. Program Dermasiswa B40 TVET ini ditawarkan pada sesi akademik 2022/2023 bagi para pelajar daripada kumpulan B40 yang mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Di bawah program ini, para pelajar yang mendapat peluang melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang TVET di Institusi

Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di bawah seliaan KPT akan diberikan bantuan kewangan dalam bentuk yuran pengajian dan elaun wang saku sepanjang tempoh pengajian.

Selain itu, KPT turut mengurus dan melaksanakan dua (2) program pembiayaan pendidikan dalam bentuk biasiswa dan bantuan kewangan yang memfokuskan kepada bidang TVET iaitu:

i. Biasiswa Pelajar Cemerlang Politeknik (Biasiswa PCP); dan

ii. Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK).

Biasiswa Pelajar Cemerlang Politeknik (PCP) ialah penajaan kepada pelajar-pelajar politeknik yang mendapat keputusan cemerlang di peringkat Diploma dan bergiat aktif dalam bidang kokurikulum, sebagai satu bentuk galakan untuk para pelajar meneruskan pengajian dalam bidang TVET. Melalui program biasiswa ini, para pelajar yang terpilih akan menerima biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang TVET yang akan mendapat manfaat merangkumi yuran pengajian, elaun sara hidup, elaun tesis, elaun buku dan alat perkakas.

Bagi Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) pula, bantuan ini disediakan kepada para pelajar daripada kumpulan B40 yang mengikuti pengajian peringkat sijil dalam bidang TVET di kolej komuniti. Menerusi bantuan ini, para pelajar tersebut akan menerima elaun sara hidup sebanyak RM300 sebulan sehingga tamat pengajian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK DR. HAJI AZHAR BIN AHMAD
TARIKH	:	10 OGOS 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 46

DATUK DR. HAJI AZHAR BIN AHMAD minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan dalam pengumpulan data dan mendapatkan input serta analisa yang terkini, komprehensif dan mudah di akses dari kalangan pemikir, akademia dan pakar ekonomi dan sosial dalam membantu pihak Kerajaan menambah baik dasar sedia ada dan inisiatif bersasar supaya lebih releven dengan masyarakat dan isu semasa.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk memanfaatkan potensi besar yang boleh dimainkan oleh ahli akademik, Majlis Profesor Negara (MPN) telah ditubuhkan sejak 1 April 2010 dan telah diarusperdanakan semula oleh Kerajaan dibawah pimpinan YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia mulai 1 Januari 2022. Secara keseluruhannya, di Malaysia terdapat lebih 3,000 orang Profesor dan lebih 7,000 orang Profesor Madya. MPN kini tidak lagi berada di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) sejak 21 Mac 2014. MPN juga telah didaftarkan sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (Company Limited by Guarantee) di bawah Akta Syarikat 1965 pada 16 Disember 2014.

Sebagai sebuah organisasi yang ditubuhkan bagi menggerakkan kepakaran tenaga akademik, MPN sentiasa berusaha membantu kerajaan membangunkan negara dan memberi kesejahteraan kepada masyarakat. Justeru, MPN telah distrukturkan melalui penubuhan sebuah Sekretariat Tetap yang bergerak secara bebas dan berautonomi yang membuat perancangan serta melaksanakan program-program strategik bagi membantu

pihak Kerajaan, industri dan masyarakat di mana MPN bergerak merentasi sempadan pelbagai kementerian dalam negara. Bagi tujuan itu, MPN juga telah mewujudkan 12 kluster ilmuan dan 21 chapter di Universiti Awam dan Swasta. 12 kluster yang telah diwujudkan itu adalah:

i. Kluster Pendidikan dan Pembangunan Insan.
ii. Kluster Ekonomi dan Perdagangan.
iii. Kluster Hal Ehwal Antarabangsa.
iv. Kluster Warisan dan Sosio Budaya.
v. Kluster Sains, TVET dan Industri.
vi. Kluster Kejuruteraan dan Alam Bina.
vii. Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar.
viii. Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan.
ix. Kluster Pertanian dan Keselamatan Makanan.
x. Kluster Teknologi Maklumat dan Komunikasi.
xi. Kluster Pembangunan Sosial dan Perpaduan Nasional.
xii. Kluster Politik, Governans dan Perundangan.

Selain itu MPN juga mempunyai hubungan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak di dalam dan luar negara bagi meningkatkan keupayaannya untuk memberi input kepakaran serta analisa yang terkini dan releven kepada keperluan semasa negara dan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN
TARIKH	:	10 OGOS 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 56

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang dilakukan bersama pemegang taruh seperti pihak industri dalam membiayai bersama atau memberi biasiswa dalam bidang TVET memandangkan ianya juga akan menguntungkan pihak industri.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Program penajaan pendidikan merupakan salah satu strategi penting yang menyumbang kepada peningkatan peluang pendidikan khususnya di peringkat pengajian tinggi. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa berusaha mewujudkan program-program penajaan baharu yang dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk meneruskan pendidikan di peringkat pengajian tinggi termasuk dalam bidang TVET.

KPT pada masa ini bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan tiga (3) program pembiayaan pendidikan dalam bentuk biasiswa dan bantuan kewangan yang memfokuskan kepada bidang TVET iaitu:

i. Biasiswa Pelajar Cemerlang Politeknik (Biasiswa PCP);
ii. Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK); dan
iii. Program Dermasiswa B40 TVET.

Pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang TVET turut menerima pembiayaan melalui insentif daripada badan-badan bukan Kerajaan antaranya seperti:

i. Dermasiswa *My Brighter Future* – Yayasan Tenaga Nasional (MyBF-YTN) dengan kuota pembiayaan sebanyak 1,500 pelajar; dan

ii. Dermasiswa Yayasan Sime Darby (YSD) *Skill Enrichment Programme.*

Selain itu juga, pihak industri turut menyumbang kepada pembangunan kemahiran, khususnya TVET melalui sumbangan seperti berikut:

i. Bahan mengajar, peralatan dan mesin;
ii. Perkongsian kepakaran dan pengetahuan; serta
iii. Penempatan latihan industri kepada pelajar yang mengikuti latihan praktikal.

Kerjasama dan bantuan daripada pihak industri ini telah memberi manfaat kepada bukan hanya pelajar, malah kepada pensyarah di politeknik dan kolej komuniti. Sumbangan-sumbangan ini boleh dipergiatkan bagi melonjakkan lagi pembangunan TVET seterusnya meningkatkan modal insan berkemahiran tinggi yang dapat menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH	:	10 OGOS 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 65

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan strategi serta perancangan jangka pendek dan panjang bagi menjadikan Negeri Sembilan sebagai destinasi pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai pilihan bidang pengajian kepada lepasan SPM dan STPM dari seluruh negara serta penuntut antarabangsa.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan Negeri Sembilan telah merangka hala tuju perancangan pembangunan pendidikan melalui Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 (RSNS 2045) yang telah diwartakan pada 15 Mac 2018. Melalui pelan perancangan jangka masa panjang ini, Pembangunan Berteraskan Ilmu telah digagaskan bagi meletakkan Negeri Sembilan sebagai salah satu destinasi pengajian tinggi bukan sahaja kepada penuntut tempatan malah juga kepada penuntut antarabangsa.

Strategi pembangunan ini adalah selari dan bertepatan dengan senario pendidikan tinggi di Negeri Sembilan yang mempunyai lebih 30 buah institusi pengajian tinggi (IPT). Strategi untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai lembah ilmu juga terus diperkukuhkan di dalam pelan pembangunan Malaysia Vision Valley 2.0 atau MVV 2.0 yang mensasarkan kluster Hub-Pendidikan dan Penyelidikan sebagai salah satu pemacu utama kepada kejayaan MVV 2.0.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mensasarkan pembangunan Hab Pendidikan Islam di Negeri Sembilan khususnya di Gemencheh, Daerah Tampin bagi terus memperkasakan

pendidikan ilmu di negeri ini. Sasaran untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai lembah ilmu turut diperluas di daerah-daerah lain melalui strategi, teras pembangunan dan pelan cadangan zon gunatanah di dalam rancangan pemajuan.

Selaras dengan perkara ini juga, pada masa ini terdapat beberapa buah IPTA di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang sedang beroperasi di Negeri Sembilan dan menawarkan pelbagai pilihan bidang pengajian bagi lepasan sekolah dari seluruh negara serta penuntut antarabangsa. Selain menawarkan kemudahan pengajian tinggi di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah, KPT juga menyediakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) melalui politeknik dan kolej komuniti. Kesemua institusi ini menawarkan program-program akademik yang berdaya saing dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, kejuruteraan, teknologi, perdagangan, pemasaran, pelancongan, perkhidmatan, pendidikan dan sebagainya. Program-program yang ditawarkan ini dapat menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi pembangunan ekonomi setempat dan negara.

KPT sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dalam konteks menjadikan negeri sebagai salah satu destinasi pengajian tinggi bukan sahaja kepada penuntut tempatan malah kepada penuntut antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN
TARIKH	:	11 OGOS 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 22

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah universiti dan kolej universiti yang berdaftar di negara ini dan berapakah jumlah pelajar di universiti dan kolej universiti tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), terdapat sebanyak 20 Universiti Awam (UA) pada tahun 2021 dengan bilangan pelajar secara keseluruhannya adalah seramai 589,879 orang. Jumlah ini meningkat sebanyak 0.9 peratus (5,303 pelajar) berbanding tahun 2020 (584,576 pelajar). Berdasarkan Sistem e-IPTS pula, pada tahun 2021 terdapat sebanyak 53 buah universiti swasta, 37 buah kolej universiti dan 10 buah kampus cawangan universiti luar negeri (KCLN) yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi 1996 [Akta 555]. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah enrolmen pelajar IPTS di universiti swasta adalah seramai 269,305 orang. Bagi enrolmen pelajar di kolej universiti swasta adalah seramai 73,338 orang. Manakala bagi kampus cawangan universiti luar negeri (KCLN), jumlah enrolmen adalah seramai 27,814 orang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH
TARIKH	:	11 OGOS 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 37

DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendekatan Kerajaan untuk memperkasa pelajar di bawah Program Dermasiswa TVET B40 dan juga untuk menggalakkan penyertaan dan kerjasama yang tinggi dari pihak pemain industri bagi memastikan pelajar tersebut mendapat pendedahan yang mencukupi.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sejajar dengan hasrat Kerajaan memastikan akses terbaik kepada peluang pendidikan terutamanya pengajian tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mewujudkan penajaan baharu iaitu Program Dermasiswa Kumpulan B40 Bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Program Dermasiswa B40 TVET) sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di Majlis Perasmian Minggu TVET Negara 2022 pada 20 Jun 2022. Peruntukan sebanyak RM36.41 juta diluluskan bagi membiayai 1000 ambilan pelajar peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di IPT di bawah seliaan KPT bermula pada sesi ambilan 2022/2023. Pemilihan pelajar-pelajar ini adalah berdasarkan kategori pelajar dalam kalangan B40 atau miskin tegar yang mana data ini diperoleh melalui data e-kasih di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Pembiayaan bersasar ini dirangka bagi memastikan pelajar yang ditaja dapat meneruskan pengajian dalam keadaan yang kondusif dan mampu menyempurnakan pengajian dengan jayanya tanpa perlu memikirkan bebanan kewangan bagi membiayai yuran pengajian dan sara hidup.

Berhubung perkara ini juga, KPT melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menawarkan pelbagai program TVET dalam peringkat kursus pendek, sijil, diploma dan ijazah sarjana muda. Pembangunan program di politeknik dan kolej komuniti direka berdasarkan keperluan industri dan memenuhi jaminan kualiti program. Justeru kerjasama dengan pihak industri terus diperkasa dalam pelbagai aspek antaranya tadbir urus, perkongsian maklumat, perkongsian teknologi dan perkongsian pintar dalam pembangunan program bagi memastikan kurikulum TVET yang digunakan adalah terkini dan selaras dengan keperluan semasa industri.

Usaha pemantapan kolaborasi bersama industri tidak hanya tertumpu kepada para pelajar di bawah Program Dermasiswa TVET B40 malah ia turut dimanfaatkan kepada semua pelajar di politeknik dan kolej komuniti. Melalui pemerkasaan TVET, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bersama pihak industri iaitu:

i. Pemerkasaan ekosistem TVET negara;
ii. Menubuhkan Majlis Penasihat Industri Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK);
iii. Pelaksanaan program CEO@PolyCC;
iv. Penubuhan Centre of Technology (COT) di politeknik;
v. Memperkukuhkan institusi TVET;
vi Pendekatan mod pembelajaran industry-led training atau Work Based Learning (WBL), 2u2i dan program perantisan yang dilaksanakan di MTUN serta pelaksanaan Structured Internship Programme (SIP).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN SERUANDI BIN SAAD
TARIKH	:	11 OGOS 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 41

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah resolusi bagi membantu meringankan kos sara hidup para siswa dan siswi yang terkesan dengan kenaikan harga barang terutamanya melibatkan keperluan asas seperti makanan dan barangan keperluan harian.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa cakna terhadap kebajikan pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Justeru, Jawatankuasa Tindakan Sara Hidup Siswa Keluarga Malaysia telah ditubuhkan bagi menyokong dan memantapkan tadbir urus serta kecekapan penyaluran bantuan kebajikan kepada siswa IPT. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi pada 12 Julai 2022. Ianya disertai oleh Pengurusan Tertinggi KPT, Naib-Naib Canselor/wakil Universiti Awam (UA), Pengerusi/wakil Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Presiden/wakil Majlis Perunding pelajar Kebangsaan (MPPK).

Untuk makluman, Jawatankuasa tersebut telah memperhalusi cadangan pemberian moratorium bayaran sewaan selama enam (6) bulan kepada semua pengusaha kafeteria dan penyedia perkhidmatan makanan di kampus IPT Awam dengan memberi pengecualian bayaran sewaan selama 6 bulan bermula bulan Julai 2022 agar tanggungan kos tersebut boleh diserap bagi penurunan harga makanan yang dijual kepada pelajar.

Inisiatif Food Bank Siswa juga terus diperkasa melalui penubuhan Hab Food Bank Siswa yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pengagihan barang keperluan

siswa. Sebanyak enam (6) hab akan ditubuhkan mengikut zon, iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Sebagai projek rintis, pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah bersetuju untuk beroperasi sebagai hab bagi Zon Tengah.

Selain itu, inisiatif Food@Campus Keluarga Malaysia juga diteruskan pelaksanaannya bagi tahun 2022. Peruntukan sebanyak RM6,542,563.00, telah disediakan bagi memberi bantuan makanan kepada mahasiswa B40 termasuk sumbangan daripada Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia (YKS) sebanyak RM1juta. Inisiatif ini bakal memanfaatkan seramai 176,083 orang mahasiswa kategori B40 atau golongan berkeperluan di IPT.

Untuk makluman, Menu Siswa Keluarga Malaysia sebanyak RM3.50 juga telah dilancarkan di UKM pada 12 Julai 2022. Komitmen ini akan diteruskan dengan pemantauan berterusan oleh Pasukan Pemantau KPT - Kos Sara Hidup Siswa (KPTPantau) yang ditubuhkan. KPTPantau berperanan untuk memantau kenaikan harga/kos barangan dan perkhidmatan melibatkan sara hidup siswa di dalam kampus IPT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK NICOLE WONG SIAW TING
TARIKH	:	11 OGOS 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 106

DATUK NICOLE WONG SIAW TING minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah bagi menangani masalah kos makanan yang tinggi di institusi pengajian tinggi yang menyebabkan mahasiswa terpaksa menahan kelaparan, selain kawalan harga makanan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa peka dan cakna terhadap kebajikan pelajar di IPT. Dalam hubungan ini, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Sara Hidup Siswa Keluarga Malaysia bagi menyokong dan memantapkan tadbir urus serta kecekapan penyaluran bantuan kebajikan kepada siswa Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini yang telah dipengerusikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi pada 12 Julai 2022 turut disertai oleh Pengurusan Tertinggi KPT, Naib-Naib Canselor/wakil Universiti Awam (UA), Pengerusi/wakil Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Presiden/wakil Majlis Perunding pelajar Kebangsaan(MPPK).

Jawatankuasa Tindakan Sara Hidup Siswa Keluarga Malaysia telah memperhalusi cadangan pemberian moratorium bayaran sewaan selama enam (6) bulan kepada semua pengusaha kafeteria dan penyedia perkhidmatan makanan di kampus IPT Awam sebagaimana yang telah diumumkan sebelum ini dan Jawatankuasa memutuskan agar pihak UA memberi pengecualian bayaran sewaan selama 6 bulan bermula bulan Julai 2022 agar tanggungan kos tersebut boleh diserap bagi penurunan harga makanan yang dijual kepada pelajar.

Selain itu, inisiatif Food Bank Siswa juga akan terus diperkasa menerusi penubuhan Hab Food Bank Siswa yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pengagihan barang keperluan siswa. Sebanyak enam (6) hab akan ditubuhkan mengikut zon, iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur, Zon Selatan, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Sebagai projek rintis, pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah bersetuju untuk beroperasi sebagai hab bagi Zon Tengah.

Inisiatif Food@Campus Keluarga Malaysia juga diteruskan pelaksanaannya bagi tahun 2022 dimana peruntukan sebanyak RM6,542,563.00, telah disediakan bagi memberi bantuan makanan kepada mahasiswa B40 termasuk sumbangan daripada Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia (YKS) sebanyak RM1juta. Inisiatif ini bakal memanfaatkan seramai 176,083 orang mahasiswa kategori B40 atau golongan berkeperluan di IPT.

Untuk makluman, Pengurusan Tertinggi KPT sendiri telah hadir membuat pemantauan di beberapa institusi, contohnya di UKM, bagi memastikan menu makanan yang disediakan adalah bersesuaian serta berpatutan harganya dengan kemampuan siswa. Menu Siswa Keluarga Malaysia juga telah dilancarkan di UKM pada 12 Julai 2022. Komitmen ini akan diteruskan dengan pemantauan berterusan oleh Pasukan Pemantau KPT - Kos Sara Hidup Siswa (KPTPantau) yang ditubuhkan berperanan memantau kenaikan harga/kos barangan dan perkhidmatan melibatkan sara hidup siswa di dalam kampus IPT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN
TARIKH	:	11 OGOS 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 112

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah KPI dan kayu pengukur yang telah dicapai oleh Majlis TVET Negara sejak penubuhan MTVET.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Majlis TVET Negara (MTVET) telah ditubuhkan pada 18 Disember 2020 hasil keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri dan berperanan sebagai badan tertinggi pembuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara selain menyelaras ekosistem TVET merentasi Kementerian, penyedia TVET awam dan swasta serta industri. MTVET dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh 4 Menteri Kanan dan 9 lagi Menteri Kementerian Strategik dan Kementerian berkaitan TVET, tokoh industri dan wakil akademia serta wakil pimpinan pelajar. Dalam hal ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah dilantik sebagai sekretariat MTVET. KPI penubuhan Majlis TVET antaranya adalah:

i. Menjalinkan kolaborasi aktif bersenergi antara kementerian penyedia TVET;
ii. Memantapkan kerjasama industri-institusi;
iii. Perkongsian data merentasi kementerian dan agensi; dan
iv. Penggubalan polisi TVET yang komprehensif serta melaksanakan pemantauan pelaksanaan dan tindakan susulan.

Bagi mencapai KPI tersebut, tiga (3) Teras Strategik yang disokong oleh 12 Strategi Pemerkasaan TVET telah digariskan. Ianya turut mengandungi enam (6) Inisiatif Utama

MTVET yang bertujuan mencapai agenda pemerkasaan TVET Negara. Berdasarkan enam (6) inisiatif yang digariskan, tiga (3) inisiatif telah direalisasikan iaitu:

i. Penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITC atau *Government-Industry TVET Coordination Body*);
ii. Pewujudan Hab Kolaborasi TVET (TCH); dan
iii. Pelan Penjenamaan TVET Nasional.

Sebanyak 14 Hab telah dikenalpasti termasuk di Sabah dan Sarawak dan GITC di dalam proses pendaftaran sebagai *Company Limited by Guarantee* melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Majlis TVET juga melalui inisiatif Kumpulan Fokus Penjenamaan telah melancarkan sambutan Minggu TVET Negara pada 20 Jun 2020 yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Pada majlis ini, tarikh 2 Jun setiap tahun telah dipilih sebagai Hari TVET Negara yang wajar disambut setiap tahun bagi menghargai sumbangan pelbagai pihak berkaitan TVET. Semasa majlis ini juga logo TVET, tag line dan juga lagu rasmi TVET turut diperkenalkan. Selain itu juga, Biasiswa B40 TVET sebanyak RM36.41 juta telah diumumkan kepada pelajar yang mengambil program TVET di Institusi Pengajian Tinggi.

Berhubung perkara ini, Kementerian akan terus memastikan bahawa agenda pemerkasaan TVET yang berlandaskan teras strategik TVET akan terus diperkasakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK

TARIKH : 11 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 115

TUAN AKNAN EHTOOK minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi dapat melahirkan graduan yang holistik dan seimbang sebagaimana yang dihasratkan dan apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi para graduan ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2025 (Pengajian Tinggi) memberikan penekanan untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan bercirikan usahawan menerusi lonjakan pertama pelan tersebut. Dengan kata lain, graduan perlulah seorang yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, beradab, beretika dan mempunyai akhlak yang terbilang. Mereka juga perlu berupaya menangani sebarang perubahan dan membuat keputusan terbaik dalam apa jua situasi serta menguruskan risiko dengan baik. Ciri dan sifat-sifat ini terangkum dalam diri seorang usahawan seperti amanah, berdedikasi, bijak menguruskan kewangan, cepat membuat keputusan dan bijak menguruskan risiko.

Justeru, agenda keusahawanan menjadi salah satu bidang tumpuan di sektor pengajian tinggi dalam membentuk jati diri pelajar selain berupaya menawarkan pilihan kerjaya kepada pelajar apabila mereka menamatkan pengajian. Dalam usaha memperkukuhkan agenda keusahawanan di IPT, Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi 2021–2025 telah dibangunkan dengan matlamat akhir untuk melahirkan graduan bercirikan keusahawanan dan usahawan siswazah yang kompetitif serta lestari.

Dokumen ini telah menjadi rujukan utama kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam memacu agenda keusahawanan masing-masing.

Pelan Tindakan ini telah menggariskan tiga (3) teras utama untuk memperkasakan agenda keusahawanan di IPT iaitu:

i. Memperkukuhkan ekosistem keusahawanan yang bersinergi;
ii. Meningkatkan kolaborasi yang berimpak tinggi; dan
iii. Memperkasakan inovasi dan teknologi dalam keusahawanan.

Pelan ini juga menggariskan tujuh (7) strategi dan 26 inisiatif sebagai panduan kepada IPT dan dipantau menerusi tujuh (7) Petunjuk Prestasi Utama.

Sebagai usaha untuk menggalakkan pelajar IPT menceburi bidang keusahawanan, beberapa kemudahan disediakan di IPT khususnya di Universiti Awam. Antaranya adalah:

1. Dana atau Pembiayaan untuk Memula dan Mengembangkan Perniagaan;
2. Fasiliti Inkubator dan khidmat rundingan perniagaan;
3. Program Latihan Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran Keusahawanan;

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN
TARIKH	:	15 OGOS 2022 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 26

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan konsep '*microcredential*' yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian dan juga untuk mengesahkan bahawa jumlah kumulatif *'microcredential'* yang cukup akan membolehkan pelajar memperolehi sijil seperti diploma secara automatik.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Selaras dengan perkembangan pendidikan fleksibel serta bagi menyokong aspirasi pendidikan sepanjang hayat, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) telah memperkenalkan *Micro-credentials* untuk dilaksanakan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan. Program Micro-credential secara amnya ialah suatu program pembelajaran yang bertujuan untuk mengiktiraf peningkatan kepakaran dan kompetensi spesifik individu dalam pelbagai bidang. Melalui program ini, ia dapat memberi peluang terutamanya kepada individu bekerja untuk meningkatkan kemahiran spesifik yang disyaratkan oleh majikan dan industri. Selain itu, seiring dengan perkembangan teknologi dan pengetahuan masa kini yang sangat pantas, program ini juga bertujuan untuk memastikan jurang kemahiran (*skills gap*) dapat dirapatkan atau ditutup.

Bagi memastikan pelaksanaan Micro-credentials di IPT yang mengikut piawaian, MQA telah menerbitkan Garis Panduan Amalan Baik: *Micro-credentials* sebagai panduan pembangunan program atau kursus. Panduan ini menjelaskan dasar dan kaedah terbaik dalam melaksanakan Micro-credentials bagi kursus daripada program yang telah

mendapat akreditasi dan kursus stand-alone serta dasar pindah kredit bagi tujuan mendapatkan penganugerahan kelayakan akademik.

Bagi tujuan penganugerahan kelayakan, pelajar perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

i. Pelajar perlu menyelesaikan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah kredit bergraduat program yang diikuti di IPT penganugerahan;
ii. Jumlah kredit Micro-credentials yang telah diselesaikan dan jumlah kredit kursus yang perlu diambil di IPT penganugerahan memenuhi syarat kredit bergraduat kelayakan. (Contoh: Diploma - 90 kredit, Sarjana Muda -120 kredit, Sarjana - 40 kredit);
iii. Kurikulum yang diikuti melalui Micro-credentials perlu sama dan setara dengan kurikulum program yang ditawarkan oleh IPT; dan
iv. Pelajar memenuhi syarat kelayakan masuk umum bagi tahap program atau lulus ujian APEL.A sebelum layak dianugerahkan kelayakan tersebut.

Kementerian berharap, masyarakat dapat mengambil peluang dan manfaat daripada inisiatif pembelajaran sepanjang hayat yang diperkenalkan oleh Kementerian melalui program *Micro-credentials* di IPT bagi peningkatan kemahiran, akses ke program pendidikan tinggi serta sebagai laluan alternatif untuk mendapatkan kelayakan akademik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI
TARIKH	:	16 OGOS 2022 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 21

DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah jumlah penglibatan OKU dalam program TVET negara bagi tahun 2011-2021 serta usaha Kementerian bagi meningkatkan jumlah OKU dalam program TVET negara.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin akan keperluan pelajar OKU untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi termasuk dalam bidang TVET. Di peringkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), terdapat 15 Sijil Pendidikan Khas dalam pelbagai bidang yang ditawarkan, antaranya fotografi, jahitan kreatif, landskap, teknologi maklumat, hotel dan katering serta penyenggaraan mekanikal di politeknik dan kolej komuniti.

Buat masa ini, kategori pelajar OKU di politeknik dan kolej komuniti adalah terdiri daripada pelajar yang mempunyai masalah pendengaran (pekak dan bisu) serta bermasalah dalam pembelajaran (lembam). Terdapat pelajar OKU yang melanjutkan pengajian dalam program arus perdana berdasarkan keupayaan masing-masing mengikut bidang yang dimohon. Secara puratanya, bermula tahun 2016 hingga 2021, terdapat seramai 575 pelajar kurang upaya yang melanjutkan pengajian di politeknik dan 582 di kolej komuniti.

Kementerian amat terbuka dengan kemasukan pelajar OKU ke politeknik dan kolej komuniti. Malah, bagi menggalakkan lebih ramai pelajar OKU mengikuti pengajian di

politeknik dan kolej komuniti, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya:

i. Program Promosi Kemasukan ke Politeknik dan Kolej Komuniti melalui Slot MyJJ'21 "Anda Tanya Kami Jawab";
ii. Hebahan Permohonan Kemasukan ke Program Sijil Asas Kolej Komuniti bagi Sesi 1 2021/2022 melalui Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kaunselor seluruh Malaysia;
iii. MyJJ "Anda Tanya Kami Jawab" Anjuran Kolej Komuniti Tampin dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (Sijil Asas Kolej Komuniti); dan
iv. Program Peningkatan Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling Peringkat Kebangsaan 2021 (Taklimat POLYCC dan Bual Bicara bersama GBK seluruh Malaysia).

Selain itu, Kementerian melalui JPPKK juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Orang Kurang Upaya (JPOKU) bermula November 2021 yang berperanan menyelesaikan isu-isu berkaitan dasar dan hala tuju pendidikan OKU di politeknik dan kolej komuniti. Sehingga kini, jawatankuasa ini telah mendapatkan input dan maklum balas melalui sesi libat urus untuk mengenalpasti isu dan cabaran di semua institusi di bawah JPPKK dalam aspek pengurusan serta pengoperasian pendidikan OKU.

Susulan daripada penubuhan JPOKU JPPKK dan sesi libat urus tersebut, jabatan sedang dalam usaha membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan OKU JPPKK bagi 5 tahun (2023-2027) bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN

TARIKH : 16 OGOS 2022 (SELASA)

SOALAN : NO. 75

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah nisbah peruntukan yang diberi kepada TVET berbanding kepada bidang bukan TVET dan adakah jumlah peruntukan TVET tersebut sepadan dengan IR4.0 dan keperluan dunia.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2022, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menerima peruntukan mengurus sebanyak RM11.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2,352,637,900 atau 20% telah diperuntukkan bagi membiayai bidang TVET yang merangkumi Jabatan Pendidikan Politeknik dah Kolej Komuniti serta empat (4) buah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia (UTEM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Selain itu, pada tahun 2022 Kerajaan telah meluluskan Peruntukan Pembangunan (DE) sebanyak RM 8,500,000.00 atau 2.1% daripada jumlah keseluruhan peruntukan kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi penambahbaikan kurikulum program TVET di samping menyokong ke arah pembangunan program-program baharu dalam bidang TVET.

Malah, sebanyak RM5 juta peruntukan Pembangunan Kurikulum (P64) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi 5 tahun (2021-2025) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi JPPKK. Daripada jumlah ini, sebanyak RM114,000 telah

diluluskan untuk pembangunan program baharu di politeknik dan sebanyak RM 65,500 telah diluluskan untuk pembangunan program baharu di kolej komuniti bagi Rolling-Plan 1 (2022).

Untuk makluman ahli Dewan, pembangunan program baharu TVET adalah berdasarkan sumber data dan polisi negara seperti dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12); Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) serta laporan-laporan seperti:

i. Senarai pekerjaan kritikal yang terkini (*Critical Occupations List 2019/2020*) yang diterbitkan oleh TalentCorp;
ii. Data Institute for Labour Market Information and Analysis (ILMIA); serta
iii. Laporan *PricewaterhouseCoopers* (PwC).

Kementerian turut membangunkan kurikulum program baharu selari dengan IR4.0 dan keperluan industri semasa mulai tahun 2022 iaitu:

i. *Diploma in Marine Construction Engineering Technology*
ii. *Diploma in Marine Electrical Engineering Technology*
iii. *Diploma in Information Technology (Digital Technology) Web Design Track*

Oleh itu, kementerian melalui JPPKK juga dari semasa ke semasa sentiasa mendapatkan pandangan daripada pihak industri bagi membolehkan kurikulum ditambah baik atau program baharu ditawarkan untuk mengambil kira perkembangan teknologi dan keperluan industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH	:	16 OGOS 2022 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 93

TUAN AKNAN EHTOOK minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kadar dan peratus enrolmen bagi setiap Institusi Latihan Kemahiran Awam dan institusi TVET serta adakah Kerajaan bersedia untuk menimbang cadangan agar semua institusi ini diselia oleh satu Kementerian/Jabatan bagi mengoptimumkan sumber.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kadar enrolmen bagi Institusi TVET di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) adalah seperti berikut:

i. Kadar enrolmen pada tahun 2021 bagi Institusi TVET di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah berjumlah 161,133 orang berdasarkan Sistem MyMoheS KPT;
ii. Kadar enrolmen dari tahun 2018 sehingga 2021 bagi Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) adalah seramai 67,169 orang pelajar manakala enrolmen latihan bagi tahun semasa adalah seramai 14,918 orang pelajar;
iii. Kadar enrolmen untuk tahun 2022 (sehingga 31 Mac 2022) bagi institusi pendidikan TVET MARA di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang direkodkan adalah berjumlah 47,244 orang pelajar;

iv. Kadar enrolmen untuk tahun 2022 (sehingga Julai 2022) bagi Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) adalah berjumlah 7,756 orang pelajar; dan
v. Kadar enrolmen untuk tahun 2021 bagi Pusat Bertauliah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) adalah berjumlah 2,795 orang pelatih.

Berhubung cadangan agar semua institusi ini diselia oleh satu Kementerian/ Jabatan bagi mengoptimumkan sumber, Kementerian ini ingin memaklumkan bahawa satu badan pemutus dasar bagi perkara-perkara berkaitan TVET yang menyelaras dan mengawal selia semua institusi TVET di peringkat nasional telah ditubuhkan iaitu Majlis TVET Negara (MTVET). MTVET telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 18 Disember 2020 dan berperanan dalam menetapkan hala tuju TVET negara melalui polisi dan koordinasi yang harmoni, mengoptimumkan sumber Kerajaan, termasuk melaksanakan strategi dan inisiatif memperkasa TVET, merentasi semua kementerian berkaitan dan semua institusi TVET tanpa membezakan kategori dan pengiktirafan.

Justeru itu, Kementerian ini berpandangan bahawa melalui penubuhan MTVET ini, keperluan untuk mewujudkan Kementerian/ Jabatan bagi menyelia kesemua institusi ini tidak lagi menjadi keutamaan.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KEDUA DEWAN NEGARA TAHUN 2022

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	PUAN LIM HUI YING
SOALAN	:	NO. 35

PUAN LIM HUI YING minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik terperinci mengenai jumlah bilangan kes keselamatan yang berlaku melibatkan mahasiswa dan mahasiswi di dalam kawasan kampus induk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengikut negeri dari tahun 2018 hingga kini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memandang serius dan sentiasa memberi perhatian terhadap soal keselamatan serta kebajikan pelajar. Bermula daripada tahun 2018 sehingga kini, bilangan kes keselamatan yang dilaporkan dan dikendalikan oleh pihak IPT (merangkumi semua universiti awam, politeknik dan kolej komuniti) adalah berjumlah 2,156 kes. Kategori kes-kes keselamatan ini merangkumi cubaan bunuh diri, gangguan seksual, kebakaran, kecurian/rompak/samun, kehilangan harta benda, kemalangan, pencerobohan/ pecah masuk, pengambilan alkohol, penyalahgunaan dadah, pergaduhan, ragut, ugutan dan vandalisme.

Perincian jumlah kes mengikut negeri pula adalah Johor (391 kes), Kedah (31 kes), Kelantan (2 kes), Kuala Lumpur (128 kes), Melaka (17 kes), Negeri Sembilan (92 kes), Pahang (81 kes), Perak (62 kes), Perlis (74 kes), Pulau Pinang (4 kes), Selangor (1028 kes) Sabah (39 kes), Sarawak (34 kes), dan Terengganu (173 kes).

Dalam hubungan ini, sebagai usaha bagi mengawal dan menangani kes-kes sebegini, pihak Kementerian menerusi IPT telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

(i) Melaksanakan tugas-tugas rondaan dan pemantauan secara berkala oleh Unit Keselamatan IPT;
(ii) Menyediakan saluran untuk pelajar hubungi/ membuat laporan berhubung sebarang ancaman, isu, kes keselamatan;
(iii) Membantu mahasiswa yang menjadi mangsa kes jenayah untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa agar siasatan dapat dilaksanakan serta diambil tindakan sewajarnya berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa;
(iv) Memantapkan prosedur keselamatan sedia ada di peringkat IPT sebagai langkah pencegahan awal;
(v) Menguatkuasakan arahan keselamatan dan hebahan langkah berjaga-jaga dari semasa ke semasa bagi memberi kesedaran kepada mahasiswa agar sentiasa mengutamakan keselamatan mereka dan mengamalkan sikap berwaspada;
(vi) Meningkatkan tahap keselamatan di kolej-kolej kediaman mahasiswa;
(vii) Melaksanakan program-program pencegahan dan kesedaran berkaitan keselamatan pelajar;
(viii) Menyalurkan sumbangan kebajikan kepada pelajar yang terlibat;
(ix) Mengurus tuntutan insurans pelajar (sekiranya berkaitan); dan
(x) Melaksanakan program usahasama dengan pihak berkuasa seperti PDRM, AADK, KKM dan lain-lain agensi berhubung isu dan kes keselamatan melibatkan pelajar.

Kesemua langkah yang diambil ini adalah atas dasar keprihatinan pihak IPT dan KPT dalam mengutamakan keselamatan mahasiswa di kampus dan seterusnya menjadikan persekitaran kampus sebagai kawasan yang selamat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI
SOALAN	:	NO. 79

DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah jumlah semasa bagi pengambilan mahasiswa OKU bagi tahun 2021 dan 2022 ke kolej komuniti, politeknik dan program asasi serta apakah tindakan Kementerian bagi menghentikan diskriminasi tidak berlaku kepada OKU ketika proses permohonan UPU atau universiti.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperluas akses pendidikan tinggi kepada rakyat Malaysia secara umumnya dengan mewujudkan laluan khas kemasukan kepada golongan B40, Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Asli dan Atlet untuk melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Laluan Khas ini merupakan kemasukan tanpa merit dan calon tidak perlu bersaing dengan kumpulan arus perdana untuk melanjutkan pengajian masing-masing, sebaliknya hanya perlu memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas program pengajian yang dipilih dan bersaing dalam kumpulan mereka sendiri.

Pada Sesi Akademik 2021/2022, sebanyak 475 calon OKU Lepasan SPM dan 129 calon OKU Lepasan STPM/Setaraf telah ditawarkan tempat pengajian. Pada Sesi Akademik 2022/2023 pula, dalam hebahan perdana Lepasan SPM, sebanyak 186 calon OKU telah ditawarkan tempat pengajian.

Berhubung perkara ini juga, KPT telah menjalankan sesi libat urus bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada 16 hingga 18 Mei 2022 bagi meningkatkan kefahaman pihak IPTA dan ILKA dalam pengurusan kemasukan pelajar OKU. Kementerian juga turut

mengambil inisiatif dengan meluaskan permohonan kemasukan calon OKU dengan membuka semua program pengajian tanpa tapisan syarat ketidakupayaan dalam UPUOnline® mulai Sesi Akademik 2022/2023. Calon boleh memilih mana-mana program pengajian yang memenuhi syarat am dan syarat khas kemasukan serta layak dipertimbangkan untuk kemasukan ke IPTA dan ILKA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN

SOALAN : NO. 104

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang dilakukan bersama pemegang taruh seperti pihak industri dalam membiayai bersama atau memberi biasiswa dalam bidang TVET memandangkan ianya juga akan menguntungkan pihak industri.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Program penajaan pendidikan merupakan salah satu strategi penting yang menyumbang kepada peningkatan peluang pendidikan khususnya di peringkat pengajian tinggi. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa berusaha mewujudkan program-program penajaan baharu yang dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk meneruskan pendidikan di peringkat pengajian tinggi termasuk dalam bidang TVET.

KPT pada masa ini bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan tiga (3) program pembiayaan pendidikan dalam bentuk biasiswa dan bantuan kewangan yang memfokuskan kepada bidang TVET iaitu:

i. Biasiswa Pelajar Cemerlang Politeknik (Biasiswa PCP);
ii. Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK); dan
iii. Program Dermasiswa B40 TVET.

Pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang TVET turut menerima pembiayaan melalui insentif daripada badan-badan bukan Kerajaan antaranya seperti:

i. Dermasiswa *My Brighter Future* – Yayasan Tenaga Nasional (MyBF-YTN) dengan kuota pembiayaan sebanyak 1,500 pelajar; dan

ii. Dermasiswa Yayasan Sime Darby (YSD) *Skill Enrichment Programme.*

Selain itu juga, pihak industri turut menyumbang kepada pembangunan kemahiran, khususnya TVET melalui sumbangan seperti berikut:

i. Bahan mengajar, peralatan dan mesin;
ii. Perkongsian kepakaran dan pengetahuan; serta
iii. Penempatan latihan industri kepada pelajar yang mengikuti latihan praktikal.

Kerjasama dan bantuan daripada pihak industri ini telah memberi manfaat kepada bukan hanya pelajar, malah kepada pensyarah di politeknik dan kolej komuniti. Sumbangan-sumbangan ini boleh dipergiatkan bagi melonjakkan lagi pembangunan TVET seterusnya meningkatkan modal insan berkemahiran tinggi yang dapat menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN NORAINI BINTI IDRIS

SOALAN : NO. 114

PUAN NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pemeteraian kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Universiti Teknikal Yeldiz, Turki berupaya meningkatkan kebolehpasaran graduan dari universiti tempatan tersebut dan bagaimanakah kerjasama itu mampu menyerlahkan UMS sebagai sebuah IPTA yang kompetetif dalam jurusan pengajian teknikal di peringkat ASEAN.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Hubungan akrab yang sedia terjalin antara Malaysia dan Türkiye sejak sekian lama terus dimanfaatkan oleh Malaysia dalam meneroka kerjasama khususnya dalam bidang pengajian tinggi antara kedua-dua negara. Jalinan diteruskan menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMS dengan Yildiz Technical University (YTU) yang telah dimeterai pada 13 Jun 2022 dengan disaksikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi. MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin dan Rektor YTU, Prof. Dr. Tamer Yilmaz.

MoU yang ditandatangani bersama YTU merupakan kerjasama dalam aktiviti pertukaran pelajar dan kakitangan di bawah program Erasmus, kerjasama dan penyelarasan projek penyelidikan bersama dan penganjuran aktiviti pembangunan kokurikulum pelajar seperti persidangan akademik, syarahan, kursus latihan pendek khas, seminar dan simposium. Melalui MoU tersebut kedua-dua universiti akan berkongsi Geran Mobiliti Erasmus+ yang sepadan untuk menaja sekurang-kurangnya pertukaran tiga orang pelajar selama satu semester, tiga pensyarah universiti untuk pertukaran staf akademik, dan tiga staf pentadbir selama lima hari setiap seorang.

Selain itu, tajuk penyelidikan bersama atau geran padanan yang akan dirancang adalah melibatkan kebolehpasaran siswazah, serta kesediaan siswazah sebagai tenaga kerja. Penyelidikan ini mengkaji pengaruh faktor akademik dan kemahiran insaniah terhadap kebolehpasaran graduan pelajar pengajian tinggi di Malaysia dan Türkiye dan hasil dapatannya dijangka mampu membantu dalam merangka satu pelan tindakan atau strategi memperkukuh agenda kebolehpasaran graduan universiti. Impak MoU ini terhadap kebolehpasaran graduan dijangka boleh dilihat selepas 4 atau 5 tahun dari tarikh pemeteraian MoU dengan berdasarkan tempoh pengajian bagi pelajar program prasiswazah yang secara puratanya antara 3 hingga 4 tahun.

Keterlibatan UMS dalam kerjasama dengan universiti di Türkiye melalui program mobiliti Erasmus+ ini juga menyerlahkan nama UMS di peringkat ASEAN dan global. Sebagai makluman, tiga pelajar UMS dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan dan Fakulti Sains dan Sumber Alam telah diberi peluang untuk menjalani program mobiliti selama satu semester di Cankiri Karatekin University, Türkiye. Program mobiliti seumpama ini memberi pendedahan dan pengalaman rentas budaya kepada pelajar yang antara lain mendokong seruan dan hasrat kerajaan untuk melahirkan graduan yang holistik dan seimbang, dan sekaligus melahirkan global citizen yang mampu menyumbang kepada pembangunan dan keharmonian masyarakat dan negara.

Perkembangan positif hasil penglibatan UMS dalam program Erasmus+ telah menonjolkan kedudukan UMS sebagai salah satu rakan universiti yang berpotensi untuk jalinan kerjasama dengan universiti awam dan swasta di Türkiye.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI HUSSAIN BIN AWANG

SOALAN : NO. 134

DATO' HAJI HUSSAIN BIN AWANG minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi membantu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang semakin kekurangan kemampuan kewangan dalam memberi pembiayaan pendidikan kepada para pelajar.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka dan prihatin terutamanya dalam membantu PTPTN melaksanakan fungsi serta peranan pembiayaan pendidikan tinggi. Untuk itu, Kerajaan telah menyediakan jaminan ke atas pinjaman atau pengeluaran sukuk oleh PTPTN bagi tujuan perolehan dana bagi menampung pembiayaan pendidikan tinggi.

Selain itu, dalam membantu PTPTN berhubung perkara ini juga, aspek bayaran balik peminjam turut diberi perhatian. PTPTN sentiasa proaktif dalam memastikan bayaran balik pinjaman yang berterusan diterima daripada peminjam. Selain daripada dasar serta pendekatan sedia ada, PTPTN telah mengambil pendekatan awal untuk melaksanakan sesi atau program libat urus (engagement) dengan peminjam-peminjam tahun akhir di IPTA bagi memberikan penerangan serta kesedaran mengenai pengurusan kewangan serta kepentingan untuk membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN. Selain itu, bagi memudahkan peminjam untuk membuat bayaran balik dan menyemak penyata pinjaman pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja, PTPTN telah melancarkan aplikasi mudah alih (mobile apps) myPTPTN. Dari segi perancangan jangka panjang pula, PTPTN telah merangka pelan/ strategi kelestarian komprehensif bagi tempoh 5 tahun melalui Pelan Strategik PTPTN 2021 – 2025 dan RMK-12 yang memfokuskan kepada

objektif untuk melestarikan PTPTN melalui strategi kewangannya yang teguh demi kelangsungan ekosistem pembiayaan pengajian tinggi negara.

Berhubung perkara ini juga, bagi membantu meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN, Kementerian turut komited dalam meningkatkan kebolehpasaran para graduan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Melaksanakan program reskilling dan upskilling PENJANA KPT.
ii. Melaksanakan Program-program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).
iii. Melaksanakan padanan pekerjaan melalui portal MyFUTUREJobs dengan kerjasama PERKESO.
iv. Melaksanakan Program *MOHE@Intel Elite Internship*.
v. Memperkukuhkan agenda keusahawanan atau Job Creator di IPT menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025.

Sekian, terima kasih.

UNIT PARLIMEN
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
Aras 3, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya